

**25 ARTIKEL TENTANG PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN DAN KAITANNYA**

DISEDIAKAN OLEH:

MASYARAKAT AWAM SYIAH IMAMIYYAH (JA'FARI) MALAYSIA



2015

Kandungan

1. Cara mudah untuk mengetahui Perlembagaan Persekutuan itu sekular (*unIslamic*) atau pun tidak sekular (*Islamic*) dan kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan 4
2. Hak Asasi Syiah Mazhab Ja'fari/Syiah Imam 12 Melayu Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan 5
3. "Kuasa Islam" Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh mengatasi "kuasa Islam" di dalam Perlembagaan Persekutuan 7
4. Fahaman Wahabi meresapi pemikiran Sunni al-Asya'irah di Malaysia 10
5. Pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah Syariah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia adalah "Un-Constitutional" dan "unIslamic" 11
6. Mengeluarkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Dari Perkara 11 (1) Dan 3 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah "unconstitutional" 13
7. Fatwa, Enakmen kerajaan negeri dan Akta Parlimen tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dalam semua Perkara 14
8. Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation* (Undang-Undang Utama Persekutuan) 16
9. *Maqasid al-Syari'ah* tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia di dalam Perlembagaan Persekutuan 17
10. Penggunaan saluran Komunikasi dan Multimedia bagi memberi maklumat palsu dan ugutan terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia 19
11. Pengharaman buku-buku Syiah Islam di Malaysia dengan alasan ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, umpamanya, adalah "Un-Constitutional" dan "unIslamic" 20
- 12 Cara mudah memahami kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang kerajaan negeri tidak boleh mengatasi Perlembagaan Persekutuan 25
13. Malaysia dari sudut Perlembagaannya adalah sebuah Negara sekular (*unIslamic*) 27

14. Syiah saman penguat kuasa Syariah di Perak 29
15. Kata-kata: “Syiah tidak ada tempat di Malaysia, Syiah tidak ada Hak Asasi Manusia, Syiah virus masyarakat, Syiah sesat, Syiah menyeleweng, Syiah musuh Islam, Syiah bukan Islam, Syiah bahaya, Syiah dari ajaran yahudi Abdullah bin Saba’, Syiah bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah, ia mesti ditolak” adalah "unConstitutional" dan “unIslamic” 30
16. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk meningkatkan "bidang kuasa" Islam yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan 33
17. Kebaikan Akuan Sumpah (SD) bagi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja’fari Di Malaysia 33
18. A. Pengertian fatwa, mufti, pengharaman, penyelewengan, kesesatan, masalah fatwa dan kedudukan mufti dalam pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari. B. Fatwa Pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari dan jawapannya. C. Implikasi fatwa Pengharaman. D. Beberapa soalan dikemukakan kepada JAKIM yang memberi jaminan “Tidak khianati kepercayaan umat Islam” (Portal Islam & Melayu oleh ISMA 6.6. 2014) 34
19. The total ban on the faith and the practices of the Malay-Shi’ite Muslims of Ja’fari sect in Malaysia and placing it under The Shariah Criminal law is “un-Constitutional” and unIslamic 85
20. Khutbah JAIS memfitnah Syiah-Melayu Islam mazhab Ja’fari 86
21. Kerajaan Malaysia tidak boleh memaksa rakyatnya supaya berpegang kepada satu agama atau satu mazhab dari mana-mana-mana agama atau mazhab yang ditetapkan untuk mereka bagi kemudahan pentadbirannya 86
22. Cara mudah memahami Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the land* dan aplikasinya melalui “kajian khusus” dan pendidikan Negara 85
23. Membuat fitnah dan hasutan terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari 88
24. Menghina Kepercayaan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari, menyerbu, mengganggu upacara keagamaan dan menggugat keharmonian dan perpaduan 88
25. Mana-mana Fatwa, Enakmen dan Undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan ia hendaklah ditarik balik 90

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh,

Mukadimah ringkas

Segala puji bagi Allah S.W.T di atas nikmat-Nya dan rahmat-Nya yang luas ke atas hamba-hamba-Nya. Selawat dan salam kepada junjungan nabi Muhammad s.a.w dan keluarganya yang suci (surah 33:33) serta para sahabatnya yang terpilih. *Amma ba 'du'*: Dikemukakan di bawah ini:

25 Artikel tentang Perlembagaan

Persekutuan dan kaitannya

(1) Cara mudah untuk mengetahui Perlembagaan Persekutuan itu sekular (*unIslamic*) atau pun tidak sekular (*Islamic*) dan kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan.

(i) Jika Perlembagaan Persekutuan merupakan *the supreme law of the Federation* Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of inconsistency, be void*" (ii) maka ia pasti mengatasi al-Qur'an. (iii) Ini bererti Malaysia adalah sebuah negara sekular (*unIslamic*) dari sudut Perlembagaannya; iaitu Malaysia bukanlah sebuah Negara Islam. (iv) Sebutan nama Islam sebagai agama Persekutuan tidak memberi jaminan Malaysia sebagai sebuah negara Islam Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" kerana Perkara 3 (4) menetapkan bahawa Perkara 3 (1) tidak boleh mengatasi Perkara-Perkara lain di dalam Perlembagaan Persekutuan "*Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution*".

(v) Justeru Perkara 11 (1) tentang kebebasan beragama "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" tetap memberi kebebasan beragama dan bermazhab kepada semua rakyat Malaysia. (vi) Oleh itu, setiap rakyat Malaysia adalah bebas memilih agamanya atau mazhabnya tanpa sekatan. (VII) Fatwa dan Enakmen kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh menghalang individu dari memilih agamanya atau mazhabnya kerana Perkara 11 (1) itu adalah hak mutlak individu (*person*). (viii) Perkara 160 tentang kaitan Melayu dengan Islam "*Malay means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay custom...*" (ix) tidak boleh menghalang seorang Melayu yang beragama Islam dari menukar agamanya kepada agama lain (murtad) kerana Perkara 11 (1) adalah bersifat mutlak kepada individu tanpa sekatan. Kes Lina Joy sebagai contoh yang jelas tentang kebebasan beragama menurut Perkara 11 (1). Adapun Perkara 121 (1 A) tentang sekatan yurisdiksi Mahkamah Tinggi Persekutuan ke atas yurisdiksi Mahkamah Syariah "*The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction of the Syariah courts*" tidak relevan jika ia dikaitkan dengan Perkara 11 (1) kerana agama adalah hak

individu secara mutlak dan ia juga bagi pengurusan keadilan (*to administer justice*). Justeru Lina Joy, seorang perempuan Melayu-Sunni yang telah menukar agamanya kepada Kristian, telah menang dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006.

Ini menunjukkan kebebasan beragama adalah hak mutlak individu tanpa halangan. (x) Enakmen kerajaan-kerajaan negeri adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan (xi) Justeru ia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan (xii) Mahkamah Tinggi Persekutuan adalah lebih luas bidang kuasanya dari Mahkamah Syariah walaupun kedua-duanya di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan(xiii) Setiap rakyat Malaysia adalah terikat dengan Perlembagaan Persekutuan tanpa pengecualian. (xiv) Justeru untuk mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam bererti al-Qur'an mestilah dijadikan Undang-undang Utama bagi Malaysia bukan lagi Perlembagaan Persekutuan. Dan jika Perlembagaan Persekutuan masih menjadi Undang-undang Utama bagi Malaysia bererti Malaysia adalah sebuah Negara sekular (*unIslamic*)-termasuk mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil-kerana al-Qur'an tidak dijadikan undang-undang yang tertinggi di Malaysia.

(2) Hak Asasi Syiah Mazhab Ja'fari/Syiah Imam 12 Melayu Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan

Sejarah ringkas Perlembagaan Persekutuan

Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) adalah sebuah Negara yang telah dijajah oleh British sehingga 31 Ogos 1957. Perlembagaan Persekutuan adalah ditulis oleh Jawatan Kuasa pra Merdeka yang diketua oleh Lord Reid. Ia diwakili oleh tiga bangsa utama; Melayu, Cina dan India. Kemudian ia dipersetujui oleh British dan ketiga-tiga bangsa tersebut sebelum dibenarkan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Dan Perlembagaan Persekutuan pula diletakkan syarat-syaratnya, antaranya ia tidak boleh diubah atau dipinda sehingga menjadikannya tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan asal perkara 4 (1). Justeru ia adalah merupakan *the supreme law* di Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaysia.

(1) Perkara 3 (1) membahagikan warga Negara Persekutuan kepada dua jenis agama; pertama: Islam dan kedua: Bukan Islam "*Islam is the Religion of Federation, but other religions **may be practised in peace and harmony in any part of the Federation***"

Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut tentang Islam Sunni-Syiah, tetapi ia menyebut hanya **Islam** secara mudah tanpa memerlukan teologi yang mendalam. Dan sekiranya seorang Muslim di Negara ini memilih untuk keluar dari Islam (murtad), maka ia berada dipihak "bukan Islam' di dalam Perlembagaan Persekutuan (*but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*). Ini bererti tidak ada hukum Murtad dan tidak ada hukum berpindah mazhab kepada Islam Syiah Ja'fari dan sebagainya dengan nama Hukum Kesalahan Jenayah Syariah (yang tidak syariah). Hanya ada satu sistem iaitu sistem kehakiman menurut

Perlembagaan Persekutuan. Perlu dinyatakan bahawa Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation*", tidak boleh mengatasi mana-mana Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 (4) "*Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution.*" Dan jika ia berlaku, maka ia adalah tidak sah dan ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan.

(2). Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan terbatal perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" Justeru pindaan Perlembagaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri yang tidak selaras atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 11 (1) adalah tidak sah dan terbatal.

(3) Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama dan setiap individu dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan menganuti mana-mana agama dan beramal dengannya tanpa sekatan. Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" Justeru tidak ada pengharaman Syiah, penyesatan Syiah atau pengkafiran Syiah menurut Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari oleh fatwa JAKIM / Enakmen kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia itu adalah tidak sah dan terbatal. Dan ia perlu dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan kerana ia menafikan Hak Asasi, keagamaan dan kemasyarakatan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari untuk hidup dengan tenteram dan harmoni di negara ini.

Lantaran itu "Pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak" yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1996 (E-Fatwa) tidak boleh menyekat kebebasan beragama dan pengamalannya oleh Syiah dalam Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion*" kerana ia adalah suci (*sacred*) dan ia juga bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.*"

Kemenangan Lina Joy seorang Islam Sunni bermazhab Syafi'i, nama asalnya Aisyah Binti Bukhari dari Perak dalam kes murtadnya kepada agama Kristian, di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 dan kaitannya dengan Perkara 11 (1) adalah bukti yang jelas. Ini bererti setiap individu (*person*) adalah bebas menukar agamanya (murtad) seperti Lina Joy dari Islam Sunni-Melayu kepada agama Kristian, dari Islam Sunni-Melayu kepada agama Hindu, dari Islam Sunni-Melayu kepada agama Budhha, dari Islam Sunni-Melayu kepada Islam mazhab Syiah Ja'fari umpamanya, tanpa halangan. Tidak ada "*dual legal system*" di Malaysia jika Perlembagaan Persekutuan dirujuk sebagai *the supreme law of the Federation*. Justeru sebarang fatwa dan

undang-undang kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan atau mengatasinya pula.

Kerajaan Malaysia dari sudut Perlembagaannya adalah sebuah negara sekular (*unIslamic*) kerana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*. Justeru ia tidak boleh memaksa rakyatnya berpegang kepada mana-mana agama atau mazhab yang ditetapkan olehnya untuk mereka. Ia tidak boleh menggunakan Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia atau kerajaan negeri dan seumpamanya untuk memaksa rakyatnya yang beragama Islam dan bukan Islam supaya berpegang kepada mana-mana agama atau mazhab yang ditetapkan olehnya (Kerajaan Malaysia) kerana ia bercanggah dengan perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*. Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia atau Jabatan Fatwa Kerajaan Negeri adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana fatwa atau undang-undang tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan perkara 11 (1) dan 4 (1). **Rakyatlah** yang menetapkan agama atau mazhab untuk diri mereka sendiri dan bukan Kerajaan atau Majlis Fatwa Kebangsaan atau seumpamanya. Ini adalah konsep kebebasan beragama dalam perkara 11 (1) yang merupakan asas Perlembagaan Persekutuan yang tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia adalah suci (*sacred*).

Setiap rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan tanpa pengecualian. Sistem Kerajaan Malaysia adalah demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Justeru Y.A.B Perdana Menteri Malaysia sebagai CEO juga tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan kerana ia adalah merupakan *the supreme law of the land*.

(4) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada individu menurut batas undang-undang. Perkara 5 (1) "*No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law*"

(5) Perlembagaan Persekutuan menjamin setiap individu adalah sama di sisi Undang-Undang dan berhak perlindungan Undang-Undang yang sama. Perkara 8 (1) "*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*" Justeru Syiah tidak boleh dihukum kerana kepercayaan mereka oleh mana-mana kerajaan negeri kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

(6) Perlembagaan Persekutuan membenarkan individu kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu. Perkara 10 (1) *subject to clause (2) (3) and (4). (a) every citizen has the right to freedom of speech and expression. (b) all citizens have the right to assemble peacefully and without arms (c) all citizens have the right to form associations*"

(7) Perlembagaan Persekutuan membenarkan hak menuntut ilmu (Education) kepada individu Perkara 12 (1) "*There shall be no discrimination against any citizen on the grounds only of religion, race, descent or place of birth...*"

(3) "Kuasa Islam" Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh mengatasi "kuasa Islam" di dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Kuasa Islam" Kerajaan- kerajaan negeri adalah diambil daripada "kuasa Islam" Perlembagaan Persekutuan Perkara 3, Perkara 11, Perkara 12 (2), Perkara 74 (2), Perkara 121 (1A) dan 160 (2). Walau bagaimana pun Perkara-Perkara di atas tidak boleh memberi "kuasa Islam" ekstra kepada Kerajaan-kerajaan negeri bagi tujuan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah Syariah kerana ia bercanggah dengan Perkara 11 (1) *"Every person has the right to profess and practise his religion..."* Ia merupakan hak individu dan bukan hak kerajaan. Dan ia bercanggah dengan Perkara 74 (3) *"The power to make laws conferred by this Article is exercisable subject to any conditions or restrictions imposed with respect to any particular matter by this Constitution"*. Justeru Kerajaan Pusat tidak boleh memaksa rakyatnya melalui Kerajaan-kerajaan negeri supaya mematuhi mana-mana agama atau mazhab tertentu kerana ia adalah hak individu. Apatah lagi Negara ini berdasarkan Perlembagaannya adalah sebuah negara sekular –termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil- kerana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the land*. Dan perlu ditingkatkan bahawa "Islam" dalam Perkara 3 (1) adalah disekat atau dihadkan kuasanya oleh Perkara 3 (4).

Justeru tidak ada "kuasa Islam" ekstra kepada mana-mana kerajaan negeri untuk mengharamkan Syiah Islam dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah kerana Perkara 3 (1) itu sendiri adalah terhad bidang kuasanya, tetapi ia memberi jaminan keamanan kepada bukan Islam *"...but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation"* untuk mengamalkan agama mereka. Soalnya: Kenapakah Enakmen Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh mengharamkan ajaran agama Sikh dan Hindu di dalam negerinya? Jawapannya: Tidak boleh, kerana ia bercanggah dengan Perkara 3 (1), 11 (1), 4 (1) dan 74 (3) Perlembagaan Persekutuan, tetapi Kerajaan-kerajaan negeri sanggup melakukan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah walaupun ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*. Justeru menjadi "bukan Islam" itu adalah lebih baik dan lebih selamat untuk mengamalkan agama mereka daripada menjadi Syiah Islam untuk mengamalkan agama mereka di Negara ini! Oleh itu pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negeri adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1) *"This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void"* Dan Perkara 74 (3) *"The power to make laws conferred by this Article is exercisable subject to any conditions or restrictions imposed with respect to any particular matter by this Constitution"* Justeru ia adalah "UnConstitutional" dan ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insya' Allah.

(1) Perkara 3 (4) *"Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution"* adalah merupakan pengawal atau penyekat kepada "kuasa Islam" di dalam Perlembagaan Persekutuan supaya ia tidak mengatasi Perkara-Perkara yang lain di dalam Perlembagaan persekutuan seperti "Islam" dalam Perkara 3 (1) *"Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation"*. Ini bererti Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah Islam yang merupakan "simbolik" atau Islam yang tidak boleh mengharamkan Syiah Islam dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah;Islam

yang tidak boleh mengenakan hukum murtad terhadap individu yang menukar agamanya dari agama Islam kepada agama Kristian umpamanya Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" Islam yang tidak boleh menjalankan Hukum Hudud Perkara 8 (1) "*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*". Ini adalah bentuk "kuasa Islam" di dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh diubah oleh mana-mana kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Di dalam erti kata yang lain, "kuasa Islam" yang digunakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh membatalkan mana-mana Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk Perkara 11 (1) dan 3 (1) bagi tujuan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah, umpamanya kerana ia bercanggah dengan Perkara 74 (3).

(2) Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" adalah merupakan pengawal atau penyekat kepada semua Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan supaya ia tidak diubah dari Perlembagaan asal yang disepakati antara wakil Kerajaan British Lord Reid dan wakil kaum Melayu, wakil kaum Cina dan wakil kaum India sebelum Hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 31 Ogos, 1957.

(3) Suara 2/3 Ahli Parlimen tidak dapat mengubah atau membatalkan Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" Perlembagaan Persekutuan kerana ia adalah suci (*sacred*). Jika ia berlaku, maka ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insyah' Allah.

(4) Justeru Islam yang terkawal di dalam Perlembagaan Persekutuan ini tidak boleh ditukar menjadi "lebih berkuasa" apabila ia dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri sehingga ia mengatasi Perkara-Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan itu pula seperti mengatasi Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) dalam pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah, umpamanya. Justeru ia adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1).

(5) Oleh itu, Perlembagaan Persekutuan adalah sekular sifatnya –termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil-kerana al-Qur'an tidak dijadikan sebagai *the supreme law of the Federation*.

(6) Enakmen Kerajaan-kerajaan negeri pula adalah "surbodinate" kepada Perlembagaan Persekutuan. Di dalam erti kata yang lain, ia tidak boleh menyalahi Perlembagaan Persekutuan.

(7) Pengawal atau penyekat kepada "kuasa Islam" di dalam Enakmen kerajaan negeri adalah Perkara 4 (1) dan Perkara 3 (4) untuk Islam Perkara 3 (1) secara khusus. Justeru Enakmen kerajaan negeri tidak boleh bercanggah dengan Perkara 74 (3) Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan *the supreme law of the land*. Di dalam kes pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari, kerajaan negeri tidak menggunakan 3 (4) sebagai sekatan kepada Perkara 3 (1) dan 4 (1) kepada semua Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru Perkara 3 (1) dan 11 (1) diketepikan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang mengharamkan Syiah Islam dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah. Ini bererti kerajaan-kerajaan negeri yang mengharamkan Syiah Islam mazhab Ja'fari telah mengeluarkan Hah Asasi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia daripada Perlembagaan Persekutuan. Justeru ia adalah "UnConstitutional"

(8) Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia: Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia yang telah membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960 berjanji "mematuhi Perlembagaan persekutuan dan menolak semua bentuk keganasan"

(9) Jika Enakmen kerajaan negeri bercanggah dengan mana-mana Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan, maka ia adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1) seperti pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah bercanggah dengan Perkara 11 (1) dan 3 (1) Perlembagaan Persekutuan.

(10) Justeru ia adalah "UnConstitutional"

(11) Akta parlimen juga adalah "surbodinate" kepada Perlembagaan Persekutuan. Justeru ia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

(12) Justeru jika ia bercanggah atau tidak selari dengan Perlembagaan Persekutuan, maka ia adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1).

(13) Maka ia juga boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insya Allah.

(14) Semua rakyat Malaysia adalah wajib mematuhi Perlembagaan Persekutuan tanpa pengecualian kerana ia merupakan *the supreme law of the land*.

(4) Fahaman Wahabi meresapi pemikiran Sunni al-Asya'irah di Malaysia.

Fahaman Wahabi meresapi pemikiran Sunni al-Asya'irah di Malaysia melalui (1) slogan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja yang betul selain daripadanya adalah sesat, menyeleweng atau kafir sedangkan di dalam Deklarasi Amman ia menyebut 8 mazhab Islam yang diakui dan boleh beramal-ibadat dengannya; antaranya Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah dan Syiah Zaidiyyah. (2) Kedatangan Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Maturidi kedua-duanya sebagai ketua Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah pada abad ketiga Hijrah (3) Ini berarti tiga abad sebelum kedatangan mereka berdua, orang Islam tidak berpegang kepada Ahli Sunnah Wal-Jama'ah (4) Justeru apakah nasib mereka yang tidak berpegang kepada Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? (5) Adakah mereka ke neraka?

(6) Dan mungkin ia ada kaitan dengan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia sejak tahun 1996. (7) Justeru Gerakan Wahabi (Salafi) diberi lampu hijau selepas fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari (8) Fatwa Pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam Ja'fari adalah tidak sah kerana ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan, (9) Deklarasi Amman dan lain-lain (10) Di bawah slogan ini mereka mengambil kesempatan menukar fahaman Sunni Melayu kepada fahaman Sunni Wahabi yang mereka namakan Sunni Salafi. (11) Dan apabila mereka melibatkan diri dengan militant anti-Syiah di luar negara, (12) maka nama mereka bertukar kepada Militant takfiri seperti dilakukan oleh seorang pensyarah Universiti Malaya Dr. Mahmud Ahmad dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan kumpulannya (13) Sebenarnya mereka tertipu dengan slogan anti-Syiah yang ditaja oleh Negara-negara Arab Telok Farsi dan Amerika (14) kerana ia adalah slogan bagi menjaga keselamatan Israel. (15) Supaya permusuhan Sunni-Syiah berterusan (16) dengan bantuan Israel kepada ISIL dan lain-lain

(17) Israel berada di dalam keadaan selamat dan terus menindas orang-orang Palestin (18) Sepatutnya mereka membantu orang-orang Palestin dengan (19) menyerang Israel. (20) Baru ada

nilainya di sisi Allah dan bertepatan dengan semangat jihad mereka (21) Dari sudut diplomatik, kita tidak boleh menyokong mana-mana penganas yang menentang sesebuah kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat mereka sendiri (22) walaupun kita menamakan mereka mujahidin apatah lagi (23) penganas ISIL yang mahu memusnahkan Ka'bah jika berkuasa seperti Yazid bin Mu'awiyah yang telah memusnahkan Ka'bah dengan menjaniq (lontaran batu). (24) Justeru slogan anti Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan pengharamannya juga hendaklah dimansuhkan (25) Akibatnya pada masa akan datang, mungkin Wahabi-Melayu-Takfiri akan membunuh Syiah-Melayu yang minoriti pula (la samiha llahu) (26) untuk kepentingan orang lain (27) Lebih-lebih lagi mereka dilatih dengan strategik ketenteraan (28) Untuk mengetahui tokoh-tokoh Wahabi-Salafi-Melayu, sila lihat YOUTUBE dari masa ke semasa kerana terdapat dikalangan mereka ahli-ahli politik daripada parti-parti Islam /Melayu-Sunni.

(29) Mereka memfitnah Syiah-Melayu tanpa dalil akademik dan tidak menghormati Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan (30) Oleh itu, tindakan mereka adalah "UnConstitutional". (31) Justeru fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law* di Malaysia Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion*" dan Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" Perlu di nyatakan bahawa Perkara 3 (1) tidak boleh mengatasi Perkara-Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan.(32) Kerana Perkara 3 (4) menetapkan bahawa "*Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution*" (33) Di dalam erti kata yang lain Islam sebagai agama Persekutuan sifatnya adalah terhad (34) Oleh itu, fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia adalah "unconstitutional"

(35) Dan ia juga adalah "UnIslamic" kerana ia bercanggah dengan Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang merangkapi Pengerusi OIC pada 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 yang memperakui 8 mazhab di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah Syiah; Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi. Kepada mereka yang menentang Syiah- Melayu secara khusus, mereka tidak mengetahui bahawa kemungkinan moyang-moyang mereka telah menganuti pegangan Syiah kerana Kerajaan Islam Perlak (Aceh) di abad ke 3 Hijrah/9 Masihi adalah Kerajaan Islam Syiah Imamiyyah Ja'fari yang memerintah selama hampir satu abad yang mana 5 orang sultannya adalah Syiah Ja'fari/ Syiah Imam 12. (36) Jangan-jangan mereka menghina, menyesat atau mengkafirkan

moyang-moyang mereka sendiri! (37) Sila baca "Syiah di Alam Melayu," mudah-mudahan mendapat pencerahan yang sewajarnya. (38) Apa salahnya kita tahu, bukan semestinya kita amalkan apa yang kita mengetahuinya! (39) Khalifah Ali a.s berkata: Manusia adalah musuh kepada apa yang mereka tidak mengetahuinya". (Berita Harian "Polis buru 5 individu termasuk pensyarah terbabit kegiatan militan" pada 2/7/2014). <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Polisburu5individutermasukpensyarahterbabitkegiatanmilitan/Article/?mutakhir=>

(5) Pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah-Melayu-Islam mazhab Ja'fari Malaysia dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia adalah "un-Constitutional" dan "unIslamic"

(1) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) *"Every person has the right to profess and practise his religion..."*

(2) Ia menyalahi Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan *"Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation"*.

(3) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (4) *" Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution"*

(4) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) *"This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void"*

(5) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 5 (1) *"No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law"*

(6) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 (1) *"All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law"* Justeru Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari tidak boleh dihukum kerana kepercayaan mereka oleh mana-mana kerajaan negeri kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 74 (3).

(7) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan perkara 8 (2) *"Except as expressly authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent or place of birth in any law or in the appointment to any office or employment, under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment."*

(8) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 10 (1) *subject to clause (2) (3) and (4). (a) every citizen has the right to freedom of speech and expression. (b) all citizens have the right to assemble peacefully and without arms (c) all citizens have the right to form associations"*

(9) Ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan tentang hak menuntut ilmu Perkara 12 (1) "*Without prejudice to the generality of Article 8, There shall be no discrimination against any citizen on the grounds only of religion, race, descent or place of birth...*"

(10) Justeru fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah Syariah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan.

(11) Justeru ia adalah "Un-Constitutional"

(12) Oleh itu, Ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insya' Allah.

(13) Ia juga adalah "unIslamic" kerana ia bercanggah dengan Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang merangkapi Pengerusi OIC pada 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 yang memperakui 8 mazhab di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah Syiah; Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi. Perlu dinyatakan bahawa Fatwa al-Azhar, Deklarasi Amman 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 adalah selari dengan perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation* Perkara 3 (1) dan Perkara 11 (1).

(6) Mengeluarkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Dari Perkara 11 (1) Dan 3 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah "unconstitutional".

1. Fatwa atau Enakmen kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh menafikan hak Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dari Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion*" dan Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" Ini bererti walaupun kamu bukan Islam, kamu boleh mengamalkan kepercayaan kamu dengan aman dan harmoni di Persekutuan Tanah Melayu kerana ia dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) Soalnya: Kenapakah Syiah Melayu Islam (Syiah Imamiyyah Ja'fari) dikeluarkan dari Perkara 3 (1) dan 11 (1) sehingga mereka dinafikan Hak Asasi mereka dalam keagamaan dan amalannya, tetapi tidak Sikh, tidak Hindu dan tidak Kristian umpamanya?

Justeru sebarang pindaan Perlembagaan kepada Islam berasaskan hanya pegangan Ahli Sunnah sahaja di Parlimen pada tahun 1996 (E-Fatwa) adalah tidak sah dan terbatal, kerana ia bercanggah dengan Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*". Lantaran itu sebarang pindaan yang tidak selari atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan asal seperti Perkara 11 (1) dan 3 (1) adalah tidak sah dan terbatal. Perlu dinyatakan bahawa Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation*", tidak boleh mengatasi mana-mana Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 (4)

"Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution." Dan jika ia berlaku, maka ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan.

2. Syiah Melayu Islam (Syiah Imamiyyah Ja'fari) adalah warga negara Malaysia. Oleh itu, mereka dilindungi undang-Undang dan mereka berhak mempertahankan kepercayaan mereka menurut Perlembagaan Persekutuan terutamanya jika mereka membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No.13 1960 tentang kepercayaan mereka; "ISLAM bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia, mematuhi Perlembagaan Persekutuan, mentaati Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, menjaga keselamatan dan ketenteraman awam, menentang sebarang bentuk keganasan". Oleh itu, mereka tidak boleh dituduh sebagai mengancam keselamatan Negara dan ketenteraman awam.

Justeru tidak ada lagi slogan BAHAYA SYIAH, VIRUS SYIAH dan SYIAH SESAT kerana bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah atau seumpamanya di seluruh Negara kerana ia adalah "unConstitutional" walau pun Syiah mempunyai hujah akademik yang lebih kuat dan lebih mantap, jika mereka mahu, untuk melakukan perkara yang sama terhadap Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sebagaimana tidak ada slogan BAHAYA AHLI SUNNAH WAL-JAMA'AH, VIRUS AHLI SUNNAH WAL-JAMA'AH dan AHLI SUNNAH WAL-JAMA'AH SESAT kerana bercanggah dengan Syiah (Ja'fari). Tidak ada slogan BAHAYA/KAFIR HINDU, BAHAYA/ KAFIR SIKH, BAHAYA/KAFIR KRISTIAN atau seumpamanya di Negara ini kerana mereka yang melakukan sedemikian terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari, umpamanya, kerana kepercayaan mereka, adalah mereka yang mengeluarkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari daripada Perkara 3 (1) dan 11 (1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*. Justeru tindakan sedemikian adalah "unConstitutional". Dan Malaysia dari sudut Perlembagaannya adalah sebuah negara sekular-termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil- kerana al-Qur'an bukanlah *the supreme law of the Federation*.

(7) Fatwa, Enakmen kerajaan negeri dan Akta Parlimen tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dalam semua Perkara.

A. (1) Jika sumber asas kepada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1993 di Malaysia adalah Perkara 3, Perkara 11, Perkara 12 (2), Perkara 74(2) Perkara 121(1A), dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan, maka mana-mana Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri di Malaysia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan!

(2) Sebab kuasa "Islam" kerajaan-kerajaan negeri di ambil daripada Perlembagaan Persekutuan. Justeru ia tidak boleh menyalahinya kerana menyalahinya adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1) Jika Islam di dalam Perkara 3 (1) tidak boleh bercanggah dengan Perkara-Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri kerana ia merupakan *the supreme law of the land*, maka Islam di dalam Enakmen kerajaan negeri juga tidak boleh bercanggah dengan mana-mana Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan kerana Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri telah dihad atau disekat dengan Perkara 3 (4).

(4) Jika kerajaan negeri mengatasi Perkara 3 (4), maka Islamnya akan melebihi kehendak Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan, maka akibatnya ia juga akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 74 (3) seperti akta tatacara jenayah Syariah bagi pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari. Justeru ia adalah bercanggah dengan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) kerana Perlembagaan Persekutuan adalah umum untuk semua agama dan mazhab. Mereka boleh mengamalkan agama dan mazhab mereka dengan aman dan damai di Persekutuan Tanah Melayu. Soalnya: Bolehkan kerajaan negeri mengharamkan ajaran Hindu dan Kristian di dalam negerinya seperti dilakukan terhadap Syiah Islam? Jawapannya: Tidak boleh kerana ia menyalahi Perkara 3 (1), Perkara 11(1) dan Perkara 74 (3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah tidak sah dan terbatal kerana ia menyalahi Perkara 4 (1), Perkara 11 (1), Perkara 3 (1) dan Perkara 74 (3). Justeru ia adalah "unconstitutional"

B. Mengenai kenyataan "Mempertikaikan hak pemerintah untuk mengawal penyebaran ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam seperti Syiah". Jawapannya: Kenyataan ini menunjukkan kejahilan penulis tentang definisi Islam yang menyeluruh. Syiah Islam tidak bertentangan dengan Islam yang berasaskan al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w, tetapi ia bertentangan dengan Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja. Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah tidak pernah menjadi sumber Hukum Islam di dunia ini hanya di Malaysia ia dijadikan sebagai sumber Hukum Islam pada 5.5. 1996 bagi membenters Syiah. Kewujudan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah datangnya 300 tahun selepas kewafatan Nabi s.a.w. Ia diketuai oleh Abu l-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi pada abad ketiga Hijrah. Ini bererti 300 tahun setelah kewafatan Nabi s.a.w, umat Islam tidak berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Soalnya: Apakah nasib mereka yang tidak berpagang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Justeru Syiah Islam diakui oleh Deklarasi Amman (2005) yang telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang merangkap Presiden OIC pada masa itu. 8 mazhab dalam Islam diakui. Antaranya 2 mazhab Syiah; Syiah Imamiyyah Ja'fari dan Syiah Zaydiyyah. Justeru mengeluarkan Syiah Islam-Melayu daripada Deklarasi Amman adalah "unIslamic" dan mengeluarkan Hak Syiah Islam-Melayu daripada Perlembagaan Persekutuan adalah "Unconstitutional".

C. Mahkamah Syariah adalah "surbodinate" kepada Mahkamah Sivil dan Mahkamah Sivil adalah "surbodinate" kepada Perlembagaan Persekutuan.

D. Enakmen kerajaan negeri dan Akta Parlimen tidak boleh menyalahi Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan *the supreme law of the Federation*. Syiah Islam adalah antara mazhab yang diakui dan boleh beramal ibadat dengannya oleh Fatwa Syaltut dan Deklarasi Amman. Justeru Enakmen Kesalahan jenayah Syariah-Pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam-tidak boleh dikenakan ke atas Syiah Islam kerana ia menyalahi Perkara 11 (1) 3 (1) dan Perkara 74 (3) " *The power to make laws conferred by this Article is exercisable subject to any conditions or restrictions imposed with respect to any particular matter by this Constitution*" Perlembagaan Persekutuan.

(F) Perkara 11 (1) adalah kebebasan bertukar agama atau mazhab yang mana Mahkamah Syariah tidak boleh menghalangnya jika seorang itu mempunyai "locus standi" seperti akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960 seperti dilakukan oleh Lina Joy, seorang Melayu dari negeri

Perak yang telah menukar agama Islamnya kepada agama Kristian dan menang di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006. Perkara 11 (1) juga membenarkan pertukaran mazhab daripada mazhab Sunni kepada mazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia tanpa halangan.

(G) Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri tidak boleh mengenakan Enakmen yang menzalimi satu-satu masyarakat seperti Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) khususnya apabila mereka membuat akuan sumpah (SD) Akta parlimen No. 13 1960 berjanji "mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan menentang segala bentuk keganasan". Di dalam keadaan ini, maka Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) berhak mencadang dan menuntut supaya Enakmen ini digantung kemudian ia dibatalkan kerana ia secara langsung menimpa mereka dan ia menyalahi Perkara 3 (1), 3 (4), 4 (1), 5 (1), 6 (1), 7 (1), 8 (1-2), 10 (1) 11 (1), 12 (1), 13 (1) dan 74 (3) Perlembagaan Persekutuan yang lebih tinggi daripada Enakmen kerajaan-kerajaan negeri kerana ia merupakan *the supreme law of the Federation*.

(H) Kerajaan yang menjunjung tinggi Perlembagaannya sendiri akan mempertimbangkan rayuan ini kerana ia akan mengembalikan Hak Asasi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan ia juga akan menaikkan imej Kerajaan Malaysia di muka dunia.

(I) Perlu dinyatakan bahawa Syiah-Melayu mempunyai ikatan yang kuat dengan Sunni-Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan, apatah lagi untuk generasi Melayu akan datang di Negara ini. Perkara 3 (1), Perkara 11 (1) dan Perkara 160 akan membuat Sunni-Melayu berganding bahu untuk masa depan mereka dengan Syiah-Melayu di Negara ini. Justeru jangan memandang rendah kepada kami. Kita bersetuju untuk tidak bersetuju di bawah Perlembagaan Persekutuan, tetapi kita mesti mematuhi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*.

(J) Masyarakat dunia juga akan bersimpati dengan Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia kerana Enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia bukan sahaja bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang merupakan *the supreme law of the land*, malah ia bertentangan dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

(8) Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation* (Undang-Undang Utama Persekutuan).

(1) Tidak ada individu (person) di Malaysia yang dapat mengatasi Perlembagaan Persekutuan kerana ia adalah *the supreme law of the Federation*. (2) al-Qur'an adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan (3) Hadis adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan (4) Pegangan atau mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan dan ia tidak boleh menjadi *the supreme law* di Mahkamah Syariah bagi menghukum Syiah kerana ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation* (5) Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang tidak mempunyai "legal status" adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan (6) Enakmen Kerajaan-kerajaan negeri adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan (7) Justeru ia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana ia menjadi "subordinate" kepadanya (8) Mahkamah Syariah adalah "subordinate" kepada Mahkamah Sivil.

(8) Mahkamah Sivil ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan (9) Mahkamah Syariah ditubuhkan di bawah undang-undang kerajaan negeri (10) Justeru Mahkamah Syariah tidak boleh disamakan dengan Mahkamah Sivil Perkara 121 (1A) " *"The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah courts"* adalah untuk pengurusan keadilan (to administer justice) dan bukan bererti Mahkamah Sivil tidak ada hak untuk "intervene" di dalam keadaan tertentu pula. Kes Lina Joy nama Melayunya Aisyah Binti Bukhari telah menukar agama Islamnya kepada agama Kristian dan menang di dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 adalah bukti yang jelas tentang kebebasan beragama di dalam Perkara 11 (1) (11) Hanya Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.

(12) Mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan kerajaan-kerajaan negeri adalah "subordinate" kepada Perlembagaan Persekutuan (13) Justeru ia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan (14) Walau bagaimana pun pindaan yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1996 kepada Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak" (E-Fatwa) adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan ia adalah tidak sah dan terbatal. Oleh itu, Fatwa dan Enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah "unconstitutional" kerana ia bercanggah dengan Perkara 11 (1) "Every person has the right to profess and practise his religion" (15) Perkara 4 (1) yang menjadi asas Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation* "This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void" (16) Justeru mengeluarkan Syiah-Melayu Islam dari Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah "unconstitutional" (17) Setiap rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.

(9) Maqasid al-Syari'ah tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia di dalam Perlembagaan Persekutuan.

(1) Pengertian *Maqasid al-Syari'ah* secara mudah adalah "tujuan-tujuan Syariah Islam" (*the objectives of Islamic Shari'ah*).

(2) *Maqasid al-Syari'ah* dibahagikan kepada 5 perkara. (1) Agama (*al-Din*) (2) jiwa (*al-Nafs*) (3) Akal (*al 'Aql*) (4) keturunan (*al-Nasal*) (5) harta (*al-Mal*). Dan di dalam bahasa Inggeris ia disebut: (1) Religion (2) Life (3) Intelligent (4) Progeny (5) Property.

(3) Kelima-lima perkara tersebut telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan secara umum untuk semua rakyat di Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) yang berbilang agama.

(4) *Maqasid al-Syari'ah* mestilah berdiri di atas keadilan sejagat.

(5) *Maqasid al-Syariah* tidak boleh digunakan bagi menyalahi al-Qur'an.

(6) *Maqasid al-Syariah* tidak boleh digunakan bagi menyalahi Hadis Rasulullah s.a.w.

(7) *Maqasid al-Syariah* tidak boleh digunakan untuk pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam secara khusus.

(8) *Maqasid al-Syariah* tidak boleh digunakan bagi penghapusan mana-mana “ethnic cleansing” dari semua sudut.

(9) Syiah Melayu Islam: Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja’fari) Malaysia yang telah membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960.

(10) Perlembagaan Persekutuan: Perlembagaan yang dikuatkuasakan pada Hari Merdeka Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) 31 Ogos 1957.

(11) Justeru setiap individu di Negara ini mesti mematuhi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*.

(1) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja’fari di dalam Agama: Perkara 3 (1) “*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*” Dan Perkara 11 (1) “*Every person has the right to profess and practise his religion...*” Ini adalah jaminan kebebasan beragama di Malaysia termasuk Syiah-Melayu.

(2) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghapuskan Hak Syiah- Melayu Islam mazhab Ja’fari di dalam menjaga Jiwa - Liberty of the person-Jiwa (*al-Nafs (A)*): Perkara 5 (1) *No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law*”.

(B) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh memaksa Syiah–Melayu supaya menjadi hamba tanpa Hak Asasi Manusia atau memaksa mereka melakukan kerja secara paksa Perkara 6 (1) “*No person shall be held in slavery*”

(C) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghukum Syiah-Melayu Islam mazhab Ja’fari tanpa undang-undang yang menetapkan sedemikian atau menerima hukuman yang tidak sejajar Perkara 7 (1) “*No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed*”

(D) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh mengenakan hukuman yang berbeza terhadap Syiah-Melayu kerana kepercayaan mereka Perkara 8 (1) “*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*”

(3) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari di dalam meningkatkan ilmu pengetahuan (Akal): Semua Individu berhak untuk menerima pelajaran yang sewajarnya tanpa halangan agama atau pegangan mereka perkara 12 (1) “*Without prejudice to the generality of Article 8, there shall be no discrimination against any citizen on the grounds only of religion, race, descent or the place of birth...*”

(4) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari di dalam penambahan keturunan (zuriat) kerana ia bertentangan dengan *Maqasid al-Syari’ah* dan ia berkait rapat dengan kebebasan Agama Perkara 3 (1)) “*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*” Justeru mana-mana Majlis Agama Islam tidak boleh menghalang Syiah-Melayu dari mengadakan majlis akad nikah dan perkahwinan dengan Sunni atau menjadi wali nikah atau saksi nikah kepada mana-mana pernikahan Sunni-Syiah di bawah mana-mana pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri kerana perbuatan sedemikian adalah bertentangan dengan konsep *Maqasid al-Syari’ah* di dalam Islam dari satu sudut dan dari sudut yang lain ia adalah bercanggah dengan Perkara 3 (1) dan 11 (1) “*Every person has the right to profess and practise his religion...*” Perlembagaan Persekutuan

menjamin kebebasan beragama kepada semua dan ia boleh diamalkan dengan aman dan damai di Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh itu, tindakan menghalang pernikahan antara Sunnah dan Syiah Islam oleh mana-mana Majlis Agama Islam atau wakilnya adalah “UnConstitutional” Jika mengahwini *kitabiyah* adalah harus kenapa tidak dengan Syiah?. Ini adalah antara *Maqasid al-Syari’ah* bagi menjaga keturunan. Jika tidak, mereka menggunakan *Maqasid al-Syari’ah* bagi menentang Syariah Allah dan Rasul-Nya. Maka ketika itu Syiah-Melayu boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap juru nikah, kadi dan lain-lain di Mahkamah Sivil secara individu bagi menuntut ganti rugi dan sebagainya. Atau juru nikah Syiah diwujudkan berdasarkan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1).

(5) *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh menghapuskan Hak Asasi Syiah Melayu di dalam memiliki harta (property) yang halal Perkara 13 (1) “*No person shall be deprived of property save in accordance with law*”

Oleh itu, *Maqasid al-Syari’ah* tidak boleh digunakan untuk pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari di Malaysia kerana ia adalah bertentangan dengan Fatwa sebelum 5.5 1996 yang menghalalkannya. Ia menyalahi Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang juga sebagai Pengerusi OIC pada masa itu yang menetapkan 8 mazhab diakui dalam Islam termasuk Syiah Imamiyyah Ja’fari dan Syiah Zaidiyyah. Ia menyalahi Fatwa Al-Azhar, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islamabad. Dan ia juga menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 3 (4), 4 (1), 5 (1), 8 (1) 10 (1), 11 (1), 12 (1-3), 13 (1) dan 74 (3).

Di dalam kes yang mana ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan, maka ia adalah tidak sah dan terbatal. Dan ia bertukar kepada *Maqasid al-Lasyari’ah* iaitu *Maqasid* yang tidak Syari’ah pula.

(10) Penggunaan saluran Komunikasi dan Multimedia bagi memberi maklumat palsu, penghinaan dan ugutan terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari Malaysia.

Mana-mana individu atau kumpulan yang mengguna saluran Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Internet, Facebook, Youtube, TV dan lain-lain bagi tujuan menghina, menganiayai, memberi maklumat palsu dan membuat ugutan terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari Malaysia, boleh didakwa di bawah Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 (Akta 588), 233: “Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll. 233. (1) Seseorang yang—(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—(i) membuat, mewujudkan atau memintaminta; dan (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau (b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai,

mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik, elakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar— (a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau (b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a), melakukan suatu kesalahan. Komunikasi dan Multimedia 129 (3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan”. Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari adalah warga Negara Malaysia yang membuat akuan sumpah (SD) Akta parlimen No. 13 1960 dan mengisytiharkan kepada Y. A. B Perdana Menteri Malaysia bahawa status agama mereka adalah “ISLAM bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja’fari) Malaysia, taat setia kepada DYMM Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu, mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan menolak sebarang bentuk keganasan”. Justeru mereka berhak dilindungi undang-undang yang sama seperti warga negara Malaysia yang lain menurut Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan *“All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law”* Dan Perkara 8 (2) *“Except as expressly authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent or place of birth in any law or in the appointment to any office or employment, under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment.*

(11) Pengharaman buku-buku Syiah Islam di Malaysia dengan alasan ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah umpamanya, adalah "Un-Constitutional" dan "unIslamic"

(1) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan beragama dan mengamalkannya Perkara 11 (1) *“Every person has the right to profess and practise his religion...”* Ini bererti setiap individu di samping berhak untuk memilih kepercayaan agamanya dan mengamalkannya, berhak memiliki mana-mana buku yang berkaitan dengan agamanya bagi tujuan *“to profess and practise his religion”*. Justeru pengharaman buku-buku tentang Syiah Islam oleh mana-mana pihak dengan alasan ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah *“Unconstitutional,”* Oleh itu, jika mahu, tindakan undang-undang boleh diambil secara individu atau kumpulan dengan mencabarnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan.

(2) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan kumpulan agama tertentu menguruskan urusan agamanya; bagi mengadakan mana-mana institusi keagamaan dan memungut derma, bagi memiliki harta dan mengurusnya menurut undang-undang Perkara 11 (3) *“Every religious group has the right-*
(a) to manage its own religious affairs;
(b) to establish and maintain institutions for religious or charitable purposes; and

(c) *to acquire and own property and hold and administer it in accordance with law*" Ini bererti Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia boleh mempunyai insititute agamanya sendiri dan boleh mempunyai perpustakaan yang besar seperti mana-mana masyarakat awam yang lain di Negara ini berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

(3) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan semua individu (*persons*) adalah sama di sisi undang-undang dan berhak perlindungan undang-undang yang sama Perkara 8 (1) "*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*" Justeru Syiah-Melayu Malaysia yang mana buku-buku Syiah mereka diharamkan dengan alasan percanggahan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, tidak mendapat perlindungan undang-undang yang sama "*equal protection before the law*" kerana buku-buku Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang bercanggah dengan pegangan Syiah Islam tidak diharamkan di Malaysia sedangkan Perkara 3 (1) dan Perkara 11 (1) pula adalah untuk semua agama. Justeru pengharaman buku-buku Syiah di Malaysia adalah "UnConstitutional"

(4) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang tidak membezakan mana-mana rakyatnya berdasarkan agama, bangsa, keturunan atau tempat lahirnya untuk mendapat pendidikan Perkara 12 (1) "*Without prejudice to the generality of Article 8, there shall be no discrimination against any citizen on the grounds only of religion, race, descent or place of birth*" Justeru pengharaman buku-buku Syiah Islam di Malaysia adalah bercanggah dengan dasar kebebasan menuntut ilmu "education" dalam Perkara 12 (1).

(5) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan beragama dan mengamalkannya dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian di Persekutuan tanah Melayu Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" Ini bererti bukan sahaja buku- buku tentang Syiah Islam tidak boleh diharamkan di Malaysia bagi tujuan kepercayaan dan amalan "*may be practised in peace and harmony*" malah buku-buku yang berkaitan dengan agama-agama lain bagi tujuan yang sama adalah tidak boleh diharamkan kerana semua agama boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di Persekutuan Tanah Melayu. Untuk mempelajari mana-mana agama dan mengamalkannya pula, ia memerlukan buku-buku yang berkaitan dengannya. Ini adalah pengertian jaminan kebebasan beragama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*.

(6) Ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menegaskan bahawa mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selari dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" Oleh itu, sebarang undang-undang yang melarang rakyatnya (*persons*) bagi meningkatkan ilmu pengetahuan-membaca buku-di dalam mana-mana agama yang dipilih oleh mereka secara suka rela di Persekutuan Tanah Melayu adalah "unConstitutional."

(7) Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan *the supreme law of the Federation*. Sementara pegangan (mazhab) Ahli Sunnah Wal-Jama'ah pula adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Justeru ia tidak boleh menyalahi atau mengatasi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*.

(8) Soalnya: Bagaimanakah dengan buku- buku karangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah di Malaysia termasuk karangan pegawai-pegawai JAKIM yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) dan Perkara 11 (1) khususnya apabila buku-buku tersebut memfitnah, menyesat dan mengkafirkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fai Malaysia serta menghasut orang ramai supaya memerangi Syiah -Melayu Islam mazhab Ja'fari sebagai perang jihad, adakah buku-buku tersebut akan diharamkan dan pegawai-pegawai JAKIM tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya??

(9) Kerajaan Malaysia wajib menjaga keselamatan rakyatnya berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land* tanpa prejudis kepada mana-mana mazhab atau agama tertentu. Apatah lagi jika ia dijadikan dasarnya bagi memerangi mazhab atau agama tertentu pula!

(10) *Maqasid al-Syari'ah* bererti "tujuan-tujuan Syariah Islam" yang dibahagikan kepada 5 perkara: (1) Agama (*al-Din*) (2) Jiwa (*al-Nafs*) (3) Akal (*al 'Aql*) (4) keturunan (*al-Nasal*) (5) harta (*al-Mal*). Dan di dalam bahasa Inggeris ia disebut: (1) *Religion* (2) *Life* (3) *Intelligent* (4) *Progeny* (5) *Property* itu telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan secara umum untuk semua rakyat di Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) yang berbilang agama. Dan ia mestilah berdiri di atas keadilan sejagat. Justeru ia tidak boleh digunakan untuk pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam dan buku-buku Syiah Islam di Malaysia.

(11) Syiah Islam Malaysia: Adalah Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia yang telah membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960 yang berjanji "mematuhi Perlembagaan Persekutuan sepenuhnya dan menentang sebarang bentuk keganasan". Justeru Syiah Islam-Malaysia yang mempunyai akuan sumpah (SD) tidak ada pilihan lain selain dari menyaman mana-mana pengarang dan penerbit buku-buku tersebut termasuk penceramah-penceramah Melayu-Malaysia dalam YOUTUBE yang menyesat, memfitnah atau mengkafirkan Syiah Islam Melayu-Malaysia di Mahkamah Sivil secara individu bagi menuntut ganti rugi dan sebagainya pada masa yang sesuai pula.

(12) Pada Hari Merdeka 31 .8. 1957 rakyat (*citizens*) Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) yang terdiri daripada tiga bangsa utama; Melayu, Cina dan India telah bersetuju untuk tidak bersetuju di bawah Perlembagaan Persekutuan, tetapi mereka mesti mematuhi Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation*.

(13) Dan ia juga adalah "UnIslamic" kerana ia bercanggah dengan Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang merangkapi Pengerusi OIC pada 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 yang memperakui 8 mazhab di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah Syiah; Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi.

TIGA PERKARA DARI MESEJ AMMAN V.1 (2005)**Soalan-soalan yang lazim**

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Semoga selawat dan salam kepada Nabi Muhammad dan keluarganya yang suci dan mulia.

(1) Sesiapa yang merupakan pengikut kepada salah satu daripada empat buah sekolah perundangan Islam Sunni (Hanafi, Maliki, SYafi'i dan Hanbali) dua buah sekolah perundangan Islam Syiah(Ja'fari dan Zaydi), sekolah perundangan Islam Ibadi dan sekolah perundangan Islam Zahiri, adalah seorang Islam. Mengisytiharkan bahawa seorang itu kafir/murtad adalah tidak dibenarkan. Sesungguhnya darah, kehormatan, dan harta tidak boleh dicabuli. Lebih-lebih lagi, menurut fatwa Syeikh Al-Azhar, adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sesiapa yang menganuti fahaman Asy'ari atau atau sesiapa mengamalkan Tasawwuf yang sebenar sebagai kafir. Begitu juga, adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sesiapa yang menganuti fahaman Salafi yang sebenar sebagai kafir .

Tidak kurang, ia adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sebagai murtad mana-mana kumpulan Islam yang percaya kepada Tuhan, Maha Suci dan Maha Tinggi, dan Rasul-Nya s.a.w dan lima rukun Islam, dan tidak menafikan apa-apa rukun yang perlu dari agama.

(2) Maka di sana wujud lebih banyak persamaan antara pelbagai mazhab Islam daripada perbezaan di antara mereka. Para penganut kepada lapan buah sekolah perundangan Islam telah bersetuju dengan prinsip-prinsip asas Islam. Semua percaya kepada Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi, Satu dan Unik ; al -Qur'an yang mulia ialah firman Allah dan bahawa nabi Muhammad s.a.w, adalah nabi dan Rasul kepada semua umat manusia.

Semua bersetuju tentang lima rukun Islam: dua kalimah syahadah (*shahadatayn*); sembahyang (*salat*) zakat; puasa bulan Ramadan, dan Haji ke rumah Allah (di Mekah) . Semua juga bersetuju tentang asas-asas kepercayaan: kepercayaan kepada Allah, malaikat-malaikat -Nya, kitab-kitab -Nya, Rasul-rasul-Nya, dan hari kiamat , Qadha' dan Qadar-Nya; baik dan jahat. Perbezaan pendapat antara ulama daripada lapan sekolah perundangan Islam hanya berkenaan dengan cabang agama (*furu'*) dan tidak berkenaan dengan prinsip-prinsip dan asas-asas (*usul*) [agama Islam]. Perbezaan pendapat dari sudut cabang agama (*furu'*) adalah rahmat. Ada pendapat orang terdahulu yang mengatakan bahawa perbezaan dalam pendapat di kalangan ulama adalah " adil lagi baik" .

(3) Akuan sekolah-sekolah perundangan Islam dalam Islam bererti mengikut satu metodologi asas dalam pengeluaran fatwa : Tiada siapa boleh mengeluarkan fatwa tanpa kelayakan peribadi yang diperlukan setiap sekolah perundangan Islam menentukan [untuk penganut sendiri]. Tiada siapa boleh mengeluarkan fatwa tanpa mematuhi metodologi mazhab Islam. Tiada siapa boleh menuntut untuk melakukan ijtihad tanpa had atau membuat sekolah perundangan Islam yang baru atau untuk mengeluarkan fatwa yang tidak boleh diterima yang mengeluarkan orang Islam daripada

prinsip-prinsip dan kepastian Syariah dan apa yang telah ditubuhkan berkenaan dengan sekolah-sekolah Fiqh .

Tiga titik Amman Mesej V.2

Deklarasi Amman ditandatangani oleh 552 peserta yang terdiri daripada ketua-ketua kerajaan, pembesar - pembesar, mufti - mufti, menteri - menteri agama, para akademik dan lain-lain dari Dunia Islam termasuk 8 orang dari Malaysia di Amman, Jordan pada 2005.

MALAYSIA

1. H.E DATO 'Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
Perdana Menteri
2. Dr Anwar Ibrahim,
Bekas Timbalan Perdana Menteri
3. Dato 'Dr Abdul Hamid Othman,
Menteri di pejabat Menteri Perdana yang
4. Prof Dr Kamal Hasan,
Presiden Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur
5. Prof Dr Mohammad Hasyim Kamali ,
Dekan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam
6. En Shahidan Kasem ,
Menteri Pertama negeri Perlis , Malaysia
7. Mr Khayri Jamal Al -Din,
Timbalan Pengerusi bagi Sektor Belia , Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
8. Dr Salih Qadir Karim Al- Zanki ,
Universiti Islam Antarabangsa.

(14) Kenyataan akhbar Y. A. B Perdana Menteri di Majlis Berbuka Puasa di Shah Alam pada 10.7. 2014 tentang perpaduan Islam antara Sunni-Syiah dapat diselesaikan dengan mengetepikan perbezaan yang ada pada kedua-dua pihak demi menjamin masa depan mereka sendiri seperti berikut: *“The simplest analogy I would use is that both the Shia and Sunni are on the same highway. The only difference is that they are in the different lanes. Even the destination is the same, “ he said at a breaking of fast event here. “Why can’t we overcome the conflicts between the Sunni and Shia?” “the Muslim world must learn to set aside whatever differences among the different denominations and coexist peacefully if it intends to guarantee its own future”. - See more at:<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/najib-calls-for-muslim-unity-months-after-shia-witch-hunt#sthash.pjZZDBYd.dpuf> (The Malaymail, “Najib calls for Muslim unity, months after Shia witch hunt” 10.7. 2014).*

(12) Cara mudah memahami kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang kerajaan negeri tidak boleh mengatasi Perlembagaan Persekutuan.

A. (1) "Islam" ditulis sebagai Agama Persekutuan (2) "Bukan Islam" tidak ditulis sebagai agama Persekutuan (3) tetapi mereka dibenarkan (4) untuk mengamalkan (5) agama-agama mereka (6) dengan aman (7) dan damai (8) di Persekutuan Tanah Melayu menurut Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan " *Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" Ini bererti "bukan Islam" dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk mengamalkan agama-agama mereka dengan aman dan damai di Persekutuan Tanah Melayu.

Justeru secara logiknya (1) ia tidak boleh sekali-kali difahami (2) bahawa Muslim tertentu seperti Syiah, (3) tidak boleh mengamalkan (4) agama mereka (5) dengan aman (6) dan damai (7) di Persekutuan Tanah Melayu (8) Oleh itu, pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang tidak mempunyai "legal standing" pada 5.5. 1996 dan pindaan Perlembagaan "kepada Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Aqidah, Syari'ah dan Akhlak" (E-Fatwa) yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1996 dan kerajaan-kerajaan negeri adalah bercanggah dengan Perkara 4 (1) " *This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" dan Perkara 3 (1) itu sendiri walaupun Syiah dikeluarkan dari agama Islam sebagai contoh (8) maka pada ketika itu Syiah berada di tempat "bukan Islam" (*other religions*) (9) Justeru Syiah dibenarkan (10) untuk mengamalkan (11) agama mereka (12) menurut Perlembagaan Persekutuan (13) Justeru pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah Syariah oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah "unconstitutional"

B. (1) Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan disebut secara umum dan mudah hanya untuk membezakan dengan bukan Islam. (2) Ia tidak menyebut Islam Sunni atau Islam Syiah (3) Dua kalimah syahadah adalah mencukupi bagi membezakan seorang Islam dan bukan Islam secara kasar menurut hadis. (4) Perkara 160 memberi definisi Melayu; " *Malay means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay customs ...*" (5) Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan dikaitkan dengan Melayu dan adat (*customs*) (6) Islam di negeri-negeri di Tanah Melayu dikaitkan dengan adat Melayu (7) Justeru lahirlah Majlis Agama Islam dan adat istiadat Melayu (8) Ini bererti Islam yang tidak meliputi hukum "menukar agama atau mazhab" atau murtad atau hukum hudud.

C. (1) Islam di dalam Perkara 3 (1) bukan bersifat menyeluruh (*syumul*) sebagaimana dikehendaki oleh al-Qur'an, kerana Perkara 3 (4) menetapkan skopnya atau kuasanya yang terhad (2) iaitu ia tidak boleh mengatasi Perkara-Perkara yang lain di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri " *Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution*" (3) Iaitu Islam sebagai agama Persekutuan yang tidak ada kuasa ke atas Perkara-Perkara lain di dalam Perlembagaan itu sendiri. (4) Adapun lafaz sumpah *Wallahi, Wabillahi, Watallah* yang digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalannya ketika menerima tugas mereka (*Oaths of Office*) adalah termasuk di dalam Islam dan adat Melayu (Fourth Schedule Article 37). Justeru Islam di dalam Perkara 3 (1), Islam di dalam Perkara 160 dan lafaz sumpah

Islam di dalam Fourth Schedule Article 37, tidak boleh diertikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dari sudut Perlembagaannya kerana Perkara 3 (4) dan 4 (1) adalah jelas menunjukkan sebaliknya. Dan al-Qur'an pula tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*.

D. (1) Islam di dalam Perkara 3 (1) yang dihadkan kuasanya oleh Perkara 3 (4) Perlembagaan Persekutuan itu tidak boleh diatasi oleh kerajaan-kerajaan negeri. (2) Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh memperbesarkan atau menambahkan "saiz kuasa Islam" yang dihadkan kepada Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk diamalkan di negeri-negeri masing-masing sehingga ia mengatasi atau tidak selari atau bercanggah dengan Perkara-Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri (3) Kerana kerajaan-kerajaan negeri adalah di bawah (*surbodinate*) bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan. (4) Oleh itu, mana-mana kerajaan negeri tidak boleh menghalang Muslim Syiah atau bukan Islam dari mengamalkan agama-agama mereka (4) kerana Perlembagaan Persekutuan membenarkan mereka (5) beramal dengan agama-agama mereka (6) di Persekutuan Tanah Melayu (7) Di dalam ertikata yang lain, kerajaan negeri dengan Enakmen anti-Syiahnya tidak boleh menghukum Syiah di atas kepercayaan mereka kerana ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the land*.

E. (1) Kerajaan negeri tidak boleh mengatasi Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan beragama kepada individu "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" (2) Justeru pengharaman Syiah oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah "UnConstitutional" Kes Lina Joy nama Melayu-Islamnya Aisyah Binti Bukhari dari negeri Perak yang telah murtad kepada agama Kristian dan menang di dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 adalah jelas menunjukkan kebebasan beragama menurut Perkara 11 (1). (3) Kerajaan negeri tidak boleh menghalangnya dari menukar agamanya kepada Kristian (4) Ini bererti seorang Islam-Sunni Melayu (5) boleh menukar agama Islamnya kepada mana-mana agama yang dia kehendaki (murtad) menurut Perkara 11 (1) sebagaimana dilakukan oleh Lina Joy. (6) Begitu juga seorang Islam-Sunni-Melayu (7) boleh menukar Islam mazhab Syafi'i-nya kepada Islam mazhab Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah tanpa halangan. (8) Justeru tidak ada Undang-Undang Jenayah Syariah yang menetapkan hukuman tidak melebihi 3 tahun penjara atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau denda tidak melebihi RM 5000 atau gandingannya dikenakan ke atas seorang Islam-Sunni-Melayu bermazhab Syafi'i yang bertukar kepada Islam mazhab Syiah Imamiyyah mazhab Ja'fari atau Syiah asal yang menjamakkan sembahyang zohor dan Asar, Maghrib dan Isya' di dalam semua keadaan (tanpa sebab takut atau musafir) kerana ia dimasukkan di dalam Kesalahan Jenayah Syariah umpamanya sedangkan ia diharuskan oleh Allah dan Rasul-Nya (9) Tindakan sedemikian adalah menyalahi Perkara 11 (1) dan Perkara 74 (3) Perlembagaan Persekutuan (10) Justeru ia adalah "UnConstitutional"

F. (1) Oleh itu, Islam (Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah) di Mahkamah Syariah adalah "surbodinate" kepada Mahkamah Sivil (2) Kerana Mahkamah Sivil ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan (3) Sementara Mahkamah Syariah ditubuhkan di bawah undang-undang kerajaan negeri kecuali Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen (4) Justeru Mahkamah Syariah tidak boleh disamakan dengan Mahkamah Sivil Perkara 121 (1A) "*The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of*

any matter within the jurisdiction of the Syariah courts" adalah untuk pengurusan keadilan sahaja (*to administer justice*) dan bukan bererti Mahkamah Sivil tidak ada hak untuk "*intervene*" di dalam keadaan tertentu pula. Kes Lina Joy nama Islamnya Aisyah Binti Bukhari telah menukar agama Islamnya kepada agama Kristian dan menang di dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 adalah bukti yang jelas tentang kebebasan beragama di dalam Perkara 11 (1). (5) Ini bererti Mahkamah Syariah tidak boleh menghalang Lina Joy dari mengemukakan kes murtadnya ke Mahkamah Sivil. (6) Parlimen dan mana-mana Dewan Undangan Negeri di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan.

G. (1) Mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selari atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan terbatal "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" (2) Justeru Islam yang bersifat "menyeluruh" (*syumul*) menurut al-Qur'an itu adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan (3) Hadis Nabi s.a.w adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan (4) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan. Justeru ia tidak boleh menjadi *the supreme law* di Mahkamah Syariah bagi menghukum Syiah kerana Syiah adalah bukan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*. (5) Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan. (6) Lantaran itu Islam di Malaysia, mahu atau tidak, adalah Islam yang tidak boleh mengatasi Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan *the supreme law of the Federation*. (7) Justeru Malaysia dari sudut Perlembagaannya adalah sebuah negara sekular (*unIslamic*) kerana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*.

(13) Malaysia dari sudut Perlembagaannya adalah sebuah Negara sekular (*unIslamic*).

Mahu atau tidak Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" Ini bererti Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang merupakan *the supreme law of the Federation*.

2. Kekebalannya mengatasi semua Undang-Undang termasuk (3) al-Qur'an (4) Hadis (5) Enakmen kerajaan-kerajaan negeri (6) Fatwa-fatwa (7) Mahkamah Syariah dan lain-lain. (8) Jika tidak, ia tidak menjadi *the supreme law of the land* (8) Pada 5.5. 1996 Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan 14 para mufti negeri-negeri di Malaysia "Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak" (E-Fatwa).

(9) Ini bererti al-Qur'an yang menjadi sumber utama Akidah dan Hukum Islam dipinda kepada Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang tidak mempunyai kuasa keutamaannya dari sudut Undang-Undang di Negara ini jika ia dibandingkan dengan Perlembagaan Persekutuan. (10) Supaya ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang sekular –

termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil-kerana al-Qur'an tidak dijadikan sebagai *the supreme law of the Federation*. (11) Kerana dua Undang-Undang Utama; Perlembagaan Persekutuan dan al-Qur'an di dalam satu Negara tidak boleh berhimpun (12) Maka al-Qur'an yang menjadi *the supreme law* di dalam Islam terpaksa dikurangkan kuasa keutamaannya sehingga ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang sekular itu (13) Sepatutnya mereka meminda Perlembagaan Persekutuan jika mereka mahu Negara ini menjadi sebuah Negara Islam yang mana al-Qur'an adalah merupakan *the supreme law of the land* (14) Nampaknya mereka belum bersedia untuk melaksanakannya (15) Mungkin kerana rakyat belum boleh menerimanya (16) Jika mereka mahu, mereka boleh mengadakan *referendum*. (17) Justeru Perlembagaan Persekutuan mengatasi al-Qur'an, maka Malaysia adalah sebuah negara sekular –termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil-kerana al-Qur'an tidak dijadikan sebagai *the supreme law of the Federation*.

(18) “Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-Undang negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum syarak dan undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak” (E-Fatwa) (18) Ini bererti Malaysia adalah sebuah negara sekular dari sudut Perlembagaan Persekutuan kerana Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan Undang-Undang Utamanya. (19) Dan dari sudut Islam pula, al-Qur'an tidak menjadi *the supreme law of the Federation* kerana pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengambil tempat al-Qur'an untuk Muslim di Negara ini. Justeru Syiah Islam diharamkan di Malaysia secara tidak sah dari semua sudut.

(20) Dari sudut Islam, pindaan tersebut menyalahi akidah dan syariah Islam Nabi Muhammad s.a.w kerana pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah tidak boleh menyamai al-Qur'an sebagai *the supreme law*.

(21) Terdapat akidah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah itu sendiri yang menyalahi al-Qur'an contohnya bab Talak; talak tidak jatuh tiga sekali gus Surah al-Baqarah (2): 229: "*Talak (yang dapat dirujuk) dua kali setelah itu boleh dirujuk lagi dengan cara yang baik atau menceraikan dengan cara yang baik*" dan lain-lain. (22) Allah dan Rasul-Nya tidak meredai pindaan sumber Hukum Islam dari al-Qur'an kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. (23) Dari sudut Perlembagaan Persekutuan, pindaan itu tidak sah dan terbatal kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*", 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" dan 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" Perlembagaan Persekutuan.

(24) Justeru pindaan tersebut antaranya Muslim di negara ini wajib berpegang kepada Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak adalah tidak sah dan terbatal dari semua sudut.

(25) Kes murtad Lina Joy nama asalnya Aisyah Binti Bukhari, seorang Islam Sunni-Melayu dari Perak, telah menang dalam kes murtadnya dari Islam Sunni-Melayu kepada agama Kristian di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 berdasarkan kepada Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah contoh yang jelas tentang kebebasan beragama di Negara ini. (“Malaysia bukan negara sekular” Portal Islam & Melayu 16. 6. 2014, ISMA).

Justeru tidak hairan jika Dato' Zaid Ibrahim berkata: "Malaysia does not have dual legal system" "The former de facto law minister lambasted Muslim leaders in both the ruling Barisan Nasional (BN) coalition and opposition pact Pakatan Rakyat (PR) for their hypocrisy, saying neither were willing to admit that Malaysia was founded as a secular democracy. At the same time, however, he said they also refused to openly embrace an Islamic theocracy for fear of losing their privileges. "These Muslim leaders are a weak bunch, fearful of being honest with the people because what's paramount for them is holding the seat of power," Zaid wrote on his blog, zaid.my, yesterday. "The people should realise that they have been fooled for a long time, and must now collectively stand up and be counted.

We cannot live with this charade forever," he added. Zaid stressed that Shariah laws in the country are applicable to Muslims only in "selected matters". "Personal laws for Muslims are part of the main system and they are not meant to override the main body of laws in the country. Yet no one is prepared to publicly declare that the civil High Court is the superior court under the Constitution," he said. "It's illogical to say we have two systems coexisting in parity when they are totally different in scope and power. Our civil courts must be able to make a ruling to determine if the Shariah Court has applied the law correctly; otherwise, what we get is the chaos we are seeing today," added Zaid, who had served as de facto law minister in the Abdullah administration. The boundaries between the civil and Shariah court's jurisdictions have been blurred recently again with a bitter child custody dispute between a Hindu woman and her estranged Muslim convert husband". (The Malaymail April 15, 2014).

(14) Syiah saman penguat kuasa Syariah di Perak.

Seorang Syiah di Perak selepas dilepaskan dari Mahkamah Syariah kerana kepercayaan Syiah pada awal tahun ini telah menyaman ketua penguatkuasa Negeri Perak kerana menangkapnya tidak mengikut undang-undang dengan menuntut ganti rugi sebanyak RM 500.000. Dengan ada akuan sumpah (SD), Syiah boleh menggunakan guaman dengan mudah. lihat Mukhriz Matahathir boleh di saman juga pada masa akan datang kerana Enakmen anti Syiah di Kedah itu bercanggah dengan Perkara 11 dan Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan. Menteri Besar tidak kebal dari sudut undang-undang. Perkara ini boleh berlaku di negara ini. Apa salah kita coba berbuat demikian menurut Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan *the supreme law of the land*.

Justeru JAKIM yang tidak mempunyai "legal standing" dan Kerajaan-kerajaan negeri yang telah mewartakan Enakmen Anti Syiah adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 dan Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan. Sementara Syiah yang telah membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960 berada di sisi Perlembagaan Persekutuan. Mereka tidak boleh dituduh sebagai pengancam keselamatan Negara dan ketenteraman awam. Sebaliknya mereka yang mewartakan Enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan para penyokong mereka adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan Perkara 4 (1). Oleh itu, Syiah tidak perlu khuatir untuk

menghadapi Enakmen ini melalui Undang-Undang yang berdasarkan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*.

(15) Kata-kata: Syiah tidak ada tempat di Malaysia, Syiah tidak ada Hak Asasi Manusia, Syiah virus masyarakat, Syiah sesat, Syiah menyeleweng, Syiah bukan Islam, Syiah musuh Islam, Syiah bahaya, Syiah dari ajaran yahudi Abdullah bin Saba', Syiah bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan lain-lain, ia mesti ditolak adalah "UnConstitutional" dan "unIslamic"

(1) Syiah Melayu adalah rakyat Malaysia. Justeru tidak ada siapa yang dapat mengusir Syiah-Melayu dari Malaysia.

(2) Syiah-Melayu Malaysia mempunyai Hak Asasi Manusia di dalam Perlembagaan Persekutuan.

(3) Sebarang usaha untuk menafikan Hak Syiah-Melayu dari Perlembagaan Persekutuan akan menemui kegagalan dan ia adalah "unconstitutional".

(4) Pengaharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam dan meletakkannya di bawah Undang-Undang Jenayah Syariah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negeri adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 3 (1), 3 (4), 5 (1), 6 (1), 7 (1) 8 (1), 10 (1) dan 12 (1). Justeru ia adalah "UnConstitutional"

(5) Dan ia juga adalah "unIslamic" kerana menyalahi Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 yang menegaskan 8 mazhab diperakui di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah Syiah; Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi. Adapun fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam Ja'fari oleh Majlis kebangsaan Malaysia adalah tidak sah kerana ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan dan fatwanya yang terdahulu yang menghalalkannya sebelum 5.5. 1996 (E-Fatwa).

(6) Sebarang usaha bagi menentang Hak Asasi Manusia di dalam Islam seperti Deklarasi Cairo 1990 daripada Syiah-Melayu adalah "UnIslamic" (sila lihat Deklarasi Cairo 1990 mengenai Hak Asasi Manusia di dalam Islam (OIC) yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia).

(7) Sebarang fitnah, penghinaan, ugutan dan hasutan bagi menentang Syiah Melayu Islam dengan slogan yang bermacam-macam seperti: "Syiah adalah virus masyarakat, Syiah sesat, Syiah menyeleweng, Syiah adalah musuh Islam, Syiah bukan Islam, Syiah bahaya, Syiah dari ajaran Abdullah bin Saba', Syiah bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan lain-lain, ia mesti ditolak" adalah "uncontitutional" dan "unIslamic" kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia yang merangkapi Pengerusi OIC pada masa itu, mengisytiharkan bahawa 8 mazhab Islam yang diakui antaranya 2 mazhab Syiah; Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi. Justeru fitnah, penghinaan dan

hasutan terhadap Syiah-Melayu Islam adalah “unIslamic” dan “unconstitutional” (sila lihat Deklarasi Amman 2005). Lantaran itu pelakunya adalah berdosa besar apatah lagi jika faktor akhlak al-Qur’an diambil kira.

(8) Oleh itu, Syiah Melayu-Islam tidak wajar untuk di difitnah, dikenakan Undang-undang Jenayah, dihina dan dibuli di mana-mana tempat termasuk di Jabatan-Jabatan Kerajaan, di masjid-masjid dan di surau-surau di seluruh Negara (sila lihat Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007). Justeru (1) Saman fitnah boleh dilakukan terhadapnya atau kumpulannya di Mahkamah Sivil atau (2) Saman hasutan di bawah Akta Hasutan 1948 Perkara 4 (1) a, b, c dan d atau (3) Saman komunikasi dan multimedia di bawah Akta Komunikasi dan MultiMedia 1998 (Akta 588) Perkara 233 atau (4) Saman Jenayah Akta 574 Perkara 295-298 A, boleh dilakukan terhadap mana-mana individu yang menghina, mengugut atau menyerbu, mengganggu upacara keagamaan dan menggugat keharmonian dan perpaduan terhadap Syiah Melayu. Syiah Melayu adalah warga negara Malaysia. Justeru mereka berhak mendapat perlindungan undang-Undang yang sama sebagaimana ditegaskan di dalam Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan "*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*"

(9) Ini bererti fatwa dan enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negeri yang bermula pada 5.5. 1996 pada hakikatnya telah dimansuhkan setelah dimetraikan Deklarasi Amman 2005 yang memperakui Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi oleh Perdana menteri Malaysia dan pada masa yang sama beliau menjadi Pengerusi OIC pada tahun 2005. Perlu dinyatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia adalah CEO Negara Malaysia. Hanya urusan teknikal harus dilakukan bagi membolehkan penangguhan atau pembatalan enakmen Kerajaan-kerajaan negeri secara rasmi supaya ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang berupa *supreme law of the Federation*.

(10) Kerajaan Malaysia yang terikat dengan Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation* dan Deklarasi Amman 2005 (OIC), hendaklah segera memansuhkan fatwa dan enakmen pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

(11) Akhirnya segala penentangan dan kebencian mereka terhadap Syiah Islam, membuatkan mereka terjebak di dalam pembunuhan mereka yang tidak berdosa dan berada bersama musuh-musuh Islam seperti Gerakan Pengganas ISIL yang mana rakyat Malaysia terlibat. Antaranya Dr. Mahmud Ahmad, seorang pensyarah di Jabatan Akidah dan Falsafah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan kumpulannya. Akibatnya dia dipecat dari Unuversiti Malaya dan parti PAS. Mereka dipengaruhi oleh fahaman Salafi (Wahabi) yang sedang meresapi pemikiran Sunni al-Asya'irah Malaysia. Akhirnya mereka terperangkap dengan plot Barat bagi mempertahankan Israel. Justeru mereka tidak akan memerangi Israel dengan alasan mereka hanya memerangi Syiah di Syria dan di Iraq. Mereka akan menyerang Syiah Melayu pula. Oleh itu, siapakah yang mendapat untung di dalam pertumpahan darah Muslim di Asia Barat? Dan siapakah bersama Israel?

(12) Syiah memang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sebagaimana Ahli Sunnah adalah bertentangan dengan Syiah, tetapi persamaannya adalah lebih banyak daripada perbezaan. (Sila lihat Deklarasi Amman 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 (OIC) semuanya menegaskan bahawa Syiah Ja'fari dan Zaidi adalah mazhab Islam yang sah dan boleh beramal ibadat dengannya).

(13) Tidakkah Hindu, Kristian, Sikh bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan perbezaannya lebih banyak dari persamaan?

(14) Ahli Sunnah Wal-Jama'ah diketuai oleh Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi lahir di abad ketiga Hijrah. Ini bererti 300 tahun setelah kewafatan Nabi s.a.w umat Islam tidak berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah wal-Jama'ah. Oleh itu, adakah mereka sesat, menyeleweng atau kafir?

(15) Perlembagaan Persekutuan mengakui Islam dan bukan Islam di dalam Perkara 3 (1) "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" Dan Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*"

(16) Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia: Syiah yang telah membuat akuan sumpah (SD) menurut Akta Parlimen No. 13 1960 bahawa status agama mereka adalah ISLAM bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia mengakui taat setia kepada Baginda Yang di Pertuan Agung dan Raja-raja Melayu, mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan menolak sebarang bentuk keganasan"

(17) Syiah Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan Sunni Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 11 (1) dan 160. Justeru masa depan umat Melayu Islam generasi akan datang adalah saling berkaitan.

(18) *Malaysia founded on diversity, not homogeny.*

(19) Kita telah bersetuju untuk tidak bersetuju di bawah Perlembagaan Persekutuan.

(20) Setiap rakyat Malaysia wajib mematuhi Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan *the supreme law of the land*.

(16) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk meningkatkan "bidang kuasa" Islam yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

(1) Islam di dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation*" (2) tidak diberi kuasa untuk mengatasi Perkara-Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri (3) Ia ditetapkan oleh Perkara 3 (4) "*Nothing in this Article derogates from any other provision of this Constitution*". (5) Justeru Kerajaan-kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk

mengatasinya (6) kerana Kerajaan-kerajaan negeri (7) tidak diberi kuasa untuk meningkatkan (8) "bidang kuasa" (9) yang dihadkan kepada Islam (10) di dalam Perlembagaan Persekutuan (11) walaupun bertujuan untuk diamalkan (12) di negeri-negeri masing-masing (13) sehingga ia tidak selari (14) atau bercanggah dengan (15) Perkara-Perkara (16) di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri (17) Kerana Kerajaan-kerajaan negeri adalah di bawah (*surbodinate*) bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan Perkara 74 (3).

(18) Perkara 11 (1) sebagai contoh "*Every person has the right to profess and practise his religion*" (19) menetapkan kebebasan beragama di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kes Lina Joy nama Islamnya Aisyah Binti Bukhari dari negeri Perak yang telah menukar agama Islam (murtad) kepada agama Kristian dan menang di dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 adalah merupakan kes yang jelas tentang kebebasan beragama di dalam perkara 11 (1) (20) Justeru mana-mana kerajaan negeri (22) tidak mempunyai kuasa untuk mengharamkan Syiah Islam di atas kepercayaan mereka. (23) Kerana "kuasa" Islam yang diterima oleh kerajaan-kerajaan negeri dari Perlembagaan Persekutuan itu adalah Islam secara terhad sehingga ia tidak mengatasi semua Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan (24) Ini bererti Kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh mengatasi Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang disekat oleh Perkara 3 (4) (25) Dan jika mana-mana kerajaan negeri mengharamkan Syiah Islam, maka ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), Perkara 3 (1), Perkara 3 (4) dan Perkara 4 (1) yang merupakan *the supreme law of the land* (25) Justeru tindakan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah adalah "Un-Constitutional" (26) Dan ia boleh dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insha' Allah.

(17) Kebaikan Akuan Sumpah (SD) bagi Syiah-Melayu Islam mazhab Ja'fari Di Malaysia.

Buatlah "akuan sumpah" (SD) menurut Akta Parlimen No. 13, 1960, bahawa seorang itu mengakui bahawa status agamanya adalah ISLAM bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia di Mahkamah atau melalui Pesuruh Jaya Sumpah dengan bayaran RM 4.00, maka Enakmen anti Syiah itu tidak boleh mengenainya walaupun ia dibicarakan di Mahkamah Syariah, akhirnya akan dibebaskan jua contohnya kes di Perak 5 Syiah di bebaskan dari hukuman jenayah yang tidak syariah itu. Kerana Enakmen itu dimaksudkan kepada mereka yang tidak ada akuan sumpah (SD). Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah mutlak tidak boleh dibatalkan dengan pindaan Perlembagaan "kepada Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah" pada tahun 1996 kerana ia bercanggah dengan Airtikel 4 (1) dan Perkara 11 itu sendiri merupakan Perkara yang paling asas dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion...*" Kemenangan kes murtad Lina Joy nama Melayunya Aisyah bt Bukhari dari Perak dalam kes murtadnya di Mahkamah Tinggi Persekutuan pada tahun 2006 adalah bukti yang jelas. Guna khidmat peguam, anda akan menang kerana Perlembagaan Persekutuan adalah *the supreme law of the Federation*.

Mahkamah Syariah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jika Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman bersalah kepadad Syiah yang ada SD kerana kepercayaan mereka, maka ia menghina Perlembagaan Persekutuan Perkara 11. Kedua ia akan dibicara sekali lagi di Mahkamah Sivil kerana

Syiah bukan Ahli Sunnah dan Syiah mempunyai akuan sumpah (SD). Seorang tidak boleh dihukum kerana kepercayaannya Perkara 11.

Oleh itu Fatwa dan Enakmen Kerajaan-kerajaan negeri yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah dan terbatal Perkara 4 (1) "*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*" Ingat! Enakmen itu bagi menakutkan Syiah Melayu yang tidak ada akuan sumpah (SD).

Baca Perlembagaan Persekutuan. Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari, hendaklah belajar Undang-Undang dan buat akuan sumpah (SD) kerana ia akan melindungi mereka dari undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan beragama Syiah-Melayu yang dihalang sejak 1996. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan melindungi Syiah-Melayu tetapi Fatwa JAKIM dan Enakmen kerajaan-kerajaan negeri menyalahinya. Tindakan tersebut adalah "unConstitutional" Walau bagaimana pun kita akan berjumpa di Mahkamah Tinggi Persekutuan tentang hak keagamaan Syiah-Melayu di dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

(18) A. Pengertian fatwa, mufti, pengharaman, penyelewengan, kesesatan, masalah fatwa dan kedudukan mufti dalam pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari. B. Fatwa Pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan jawapannya. C. Implikasi fatwa Pengharaman. D. Beberapa soalan dikemukakan kepada JAKIM yang memberi jaminan "Tidak khianati kepercayaan umat Islam" (Portal Islam & Melayu oleh ISMA 6.6. 2014).

Pengenalan

Fatwa

Perkataan "fatwa" menurut Kamus Dewan bererti keputusan agama yang diberikan oleh alim ulama atau mufti mengenai sesuatu masalah. (*Kamus Dewan*, hlm. 323, Kuala Lumpur, 1986).

Mufti

Perkataan "mufti" pula adalah ahli agama yang berhak memberi fatwa berkenaan hukum Islam. (*Ibid*, hlm. 839).

Pengharaman

Perkataan "pengharaman" adalah tindakan atau ketetapan mengharamkan sesuatu (*Ibid*, hlm. 439)

Penyelewengan

Perkataan "penyelewengan" atau "menyeleweng" bererti perbuatan menyeleweng, penyimpangan dari dasar, memisahkan seseorang dari hakikat pengajaran agama. (*Ibid*, hlm. 1191).

Oleh itu, dasar dan hakikat Agama Islam adalah al-Qur'an dan sunnah Nabi s.a.w yang sebenar. Lantaran itu sebarang pengharaman yang dibuat mestilah berasaskan hukum al-Qur'an

dan Sunnah nabi s.a.w dan bukan di atas asas fahaman (mazhab) yang sempit. Dan perbuatan menyeleweng atau penyimpangan dari al-Qur'an dan sunnah Nabi s.a.w itu adalah suatu penyelewengan yang hakiki.

Kesesatan

Sementara perkataan “kesesatan” bererti perihal sesat. Dan “sesat” adalah tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah jalan, terkeliru, menyimpan dari jalan yang benar (*Ibid*, hlm. 1191). Justeru sesiapa yang tidak mengikut jalan yang betul iaitu jalan al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w adalah sesat.

Masalah

- a. Walaupun demikian, seorang mufti atau seorang sahabat Rasulullah s.a.w, atau seorang Muslim adalah terikat dengan al-Qur'an dan Hadis Rasulullah s.a.w menurut Islam yang berasaskan al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w. Di dalam konteks Malaysia, fatwanya sekali-kali tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, kerana mana-mana fatwa atau undang-undang yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, maka ia adalah tidak sah dan terbatal perkara 4 (1) dan mengenai agama Perkara 3 (1) dan 11 (1) walaupun seorang mufti atau Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia mengharamkan Syiah sebagai Muslim, maka di kala itu Syiah termasuk di dalam kategori “bukan Islam” perkara 3 (1) dan masih terkait dengan perkara 11 (1). Justeru fatwa itu adalah tidak sah dan terbatal untuk mengheret Syiah ke Mahkamah Syariah, kerana Syiah dimasukkan ke dalam kategori bukan Islam oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia sejak 5 Mei 1996. Pernahkah berlaku seorang Hindu, Kristian atau Buddha diheret ke Mahkamah Syariah yang berasaskan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Begitulah halnya dengan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia. Justeru bukan Islam tempatnya di Mahkamah Sivil dan bukan di Mahkamah Syariah.
- b. Justeru fatwa yang dikeluarkan itu sama sekali tidak boleh bercanggah dengan al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w yang sebenar. Kerana kedua-duanya merupakan sumber hukum di dalam Islam yang diakui oleh semua mazhab Islam. Dan fatwanya tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tentang hak kebebasan beragama dan jaminan keamanan dan keharmonian perkara 11 (1) dan 3 (1).
- c. Oleh itu sekiranya seorang mufti berfatwa dan fatwanya itu bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis Rasulullah s.a.w yang sebenarnya, maka mana-mana individu Muslim boleh menolak fatwanya itu untuk dirinya walaupun dia akan dikenakan tindakan Mahkamah Syariah dibawah bidang kuasa mufti. Kerana mentaati hukum Allah dan Rasul-Nya adalah wajib. Sepatutnya Mahkamah Syariah juga terikat dengan hukum al-Qur'an dan Hadis Rasulullah s.a.w yang sebenar dengan sepenuhnya (100%). Walaupun demikian fatwanya tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation* perkara 4 (1) dan mengenai agama perkara 3 (1) dan 11 (1).
- d. Dan sekiranya dia berfatwa bahawa fahaman dan ajaran Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah adalah menyeleweng atau diharamkan kerana bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang dijadikan asas Hukum Syarak / Undang-undang Islam di Malaysia, maka fatwanya tidak sah dari segi hujah kerana pegangan dan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jama'ah juga adalah menyeleweng kerana ia bercanggah dengan ajaran Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah. Sepatutnya al-Qur'an dan Sunnah atau hadis Rasulullah s.a.w menjadi hujah. Walau bagaimanapun tindakan Mahkamah Syariah boleh dikenakan ke atas sesiapa yang ingkar dengan syarat fatwanya itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan perkara 3 (1), 11 (1) dan 4 (1).

- e. Dan sekiranya fatwanya tersebut bercanggah dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mereka yang lebih alim daripadanya (*a'lamiyah*) umpamanya tentang Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah bahawa mazhab Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah dan Zaidiyyah adalah sah dan boleh beramal ibadat dengannya, maka para pengikut Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah di Malaysia boleh memilih fatwa-fatwa tersebut, kerana mengikuti mereka yang lebih alim itu adalah lebih diutamakan (*aula*) tanpa mengira negara kerana Islam adalah agama yang menyeluruh (*syumul*), maka hukumnya adalah menyeluruh juga walaupun tindakan Mahkamah Syariah negeri boleh dikenakan ke atas mereka. Sepatutnya seseorang mufti akan menghormati fatwa-fatwa mereka yang lebih alim (*a'lamiyah*) daripadanya. Walau bagaimana pun fatwanya tidak boleh menyalahi Perlembagaan Persekutuan di dalam semua keadaan, lihat perkara 4 (1) dan mengenai agama Perkara 11 (1) dan 3 (1).

B. Fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi di Malaysia (e-fatwa) dan jawapannya:

الشريعة في ماليزيا

في 5 من مايو لعام 1996م عقد مجلس الفتوى الوطني الماليزي الجلسة (40) للمباحثة في قضية الشيعة والشيعة في ماليزيا. وقد أصدر المجلس قراره بالموافقة على تطبيق النتائج التي توصل إليه المجلس سابقاً في مؤتمره المُعقد في 24-25 سبتمبر 1984م (عدد الورقة 84/8/2، البند 4.2(2) والذي تباحث أعضاؤه في القضية نفسها. وهذه النتائج هي:

1. إلغاء القرار الذي نصه: "وبعد مناقشة النظر في هذه الورقة، قرر المجلس بقبول الطائفة الشيعية الزيدية والجعفرية فقط في ماليزيا".
2. إن المذاهب الإسلامية المُتبعة في ماليزيا هي مذاهب أهل السنة والجماعة عقيدةً وشريعةً وأخلاقاً.
3. دعم وقبول التعديلات المقترحة على الدستور الوطني، وقوانين الولايات التي تنص صراحة على أن الشريعة المنضبطة قائمة على أساس سنة أهل السنة والجماعة عقيدةً وشريعةً وأخلاقاً.
4. تنص التعديلات على كل قوانين الولايات الماليزية والقانون الشرعي بأن: "الحكم الشرعي أو القانون الإسلامي هو القانون الذي يقوم على أساس من سنة أهل السنة والجماعة عقيدةً وشريعةً وأخلاقاً"، وذلك من أجل التوفيق بين مفهوم الحكم الشرعي وبين القانون الإسلامي.
5. التأكيد على أن المذاهب المُتبعة في ماليزيا هي مذاهب أهل السنة والجماعة فقط، وأن أي تعاليم أو مذهب آخر غير مذاهب أهل السنة والجماعة وتعاليمهم يُعتبر مخالفةً للوائح الشرعية والقانون الإسلامي في ماليزيا. وعلى إثر هذا، فإنه يُمنع بتاتاً في ماليزيا نشر مذاهب وتعاليم خارج عن منهج أهل السنة والجماعة.

6. على جميع المسلمين في ماليزيا الخضوع للقانون الإسلامي القائم على أساس منهج أهل السنة والجماعة فقط.

7. تقنين بنود ونصوص تدعو إلى حظر ومنع نشر وتوزيع أي كتاب، أو منشورة، أو فلم، أو شريط فيديو أو غير ذلك، يكون فيها ما يخالف التعاليم الإسلامية المثبتة عند أهل السنة والجماعة.

Shi'ism in Malaysia

Decision:

The 40th Special Muzakarah (Conference) of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia held on 5th May 1996 has discussed Shi'ism in Malaysia. The Conference decided to:

1. Agree with the decision of the Fatwa Committee Muzakarah (Conference) held on 24th-25th September 1984 [Paper No. 2/8/84, Article 4.2. (2)] concerning Shi'ism that decided as follows:

"After discussing and deliberating on this working paper, the Committee has decided that only the Zaidiyyah and Jaafariyyah Shi'ite sects are accepted to be practised in Malaysia" is abolished.

2. Decided that Muslims in Malaysia must only follow the teachings of Islam based on **the doctrine** of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah on creed, religious laws and ethics.

3. Support and accept the amendments proposed to the Federal Constitution and States Constitutions in stating that the religion of the Federal and States must be the religion of Islam based on the doctrine of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah on creed, religious laws and ethics.

4. Provide amendments to all State Laws and Religious Laws to standardize the definition of Religious Laws for Islamic Laws to be as follows:

"Religious Laws or Islamic Laws means Islamic Laws based on the doctrine of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah on creed, religious laws and ethics."

5. Recommended that Islamic teachings other than that of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah contradict with the Religious Laws and Islamic Laws and as such, the propagation of any teachings other than that of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah is prohibited.

6. Decided that all Muslims in this country are bound to Islamic Laws and Religious Laws based on the teachings of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah only.

7. Decided that the publication, broadcasting and distribution of any books, leaflets, films, videos, and others relating to the teachings of Islam that contradict with the doctrine of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah is prohibited and unlawful (haram).

“Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membincangkan Syiah di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut:” Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan Al-Zaidiyah dan Ja ‘fariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia.” Dimansuhkan”(e-Fatwa).

Jawapannya: Ini bererti Syiah Imamiyyah Ja’fariyyah dan Syiah Zaidiyyah Melayu (i) tidak termasuk di dalam kategori Islam (ii) dan dipindahkan ke kategori bukan Islam menurut fatwa tersebut pada 5/5/1996 (iii) Pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam Ja’fari juga bererti pengkafiran, (iv) penghalalan darah, (v) pengusiran dari sudut keagamaan (vi) pengusiran dari sudut masyarakat, (vii) penafian hak mereka untuk hidup sebagai seorang Muslim, (viii) tidak membenarkan bernikah kahwin dengan mereka (larangan mufti Perlis) (ix) memakan sembelihan mereka (x) Tidak diberi peluang untuk hidup dengan aman dan harmoni. (xi) Menyekat peluang pekerjaan mereka (xii) Memberi galakan kepada masyarakat Sunni untuk membenci Syiah, (xiii) menyakiti mereka, (xiv) menghina mereka (xv) merosakkan harta benda mereka (xvi) malah membunuh mereka pula (xvii) sama ada secara individu atau (xviii) secara penghapusan etnik.

Fatwa ini menyalahi (i) al-Qur’an, (ii) Hadis nabi s.a.w, (iii) fatwa Syeikh al-Azhar, (iv) Deklarasi Amman, (v) Deklarasi Makkah al-Mukarramah, (vi) Deklarasi Islamabad, (vii) Deklarasi Cairo dan (viii) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the Supreme law of the Federation*. Dari sudut Perlembagaan Persekutuan, Syiah Melayu masih di dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Iaitu masih di dalam kategori Islam. Dan sebagai balasan di luar keadilan, (a) Syiah dikenakan Enakmen Jenayah Syariah yang mana mereka akan dipersalahkan oleh Hukum Syariah yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah (b) Mereka diadili di Mahkamah Syariah yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah wal-Jama’ah juga !

Menurut Mahkamah Sivil, Syiah tidak boleh diadili kerana kepercayaan mereka, Perkara 3 (1) dan Perkara 11 (1). Kedua-dua tindakan itu adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) dan 11 (1) yang memberi kebebasan kepada setiap individu untuk mempercayai dan mengamalkan agamanya. Justeru fatwa atau undang-undang tersebut adalah tidak sah dan terbatal menurut perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*. Sepatutnya Malaysia mempunyai satu jenis Mahkamah umum yang bukan berdasarkan fahaman mazhab. Soalnya: Apa kata jika penganut Kristian di Sabah dan Serawak memohon “Mahkamah Syariah” mereka sendiri, umpamanya, bagi membolehkan penggunaan perkataan Allah untuk mereka? Justeru pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

2. “Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak “(e-Fatwa). **Jawapannya:** Fatwa ini adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), Perkara 3 (1), 3 (4) dan 4 (1). Sepatutnya ia berasaskan al-Qur’an da Hadis nabi s.a.w kerana kedua-duanya merupakan sumber Hukum Islam. Justeru ia adalah “unconstitutional’ dan “unIslamic”

3. “Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-

Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak”. **Jawapannya:** (i) Pindaan ini tidak boleh membatalkan Perkara 11 (1), 3 (1) dan 4 (1) Perlembagaan Persekutuan “ *This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*”. (ii) Fatwa al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islamabad memparakui 8 mazhab di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah mazhab Syiah Ja’fari dan mazhab Syiah Zaidi. Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

4. “Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang- Undang Islam seperti berikut :” Hukum Syarak atau Undang – Undang Islam ertinya Undang – Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlaq”

Jawapannya: Fatwa ini adalah bercanggah dengan al-Qur’an dan Hadis nabi s.a.w sebagai sumber Hukum Islam yang yang disepakati oleh semua mazhab Islam kerana terdapat pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah yang menyalahi al-Qur’an dan Hadis nabi s.a.w itu sendiri. Dan ia juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) Perkara11(1) dan Perkara 3 (1). Fatwa ini merupakan *masdar al-Tasyri’* yang mengatasi kuasa al-Qur’an dan Hadis Rasulullah s.a.w yang disyariatkan oleh Allah S.W.T! Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

5. “Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-Undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang”. **Jawapannya:** Fatwa ini adalah bercanggah dengan al-Qur’an dan Hadis nabi s.a.w yang menjadi sumber hukum yang disepakati di dalam Islam dan ia adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1-3), Perkara 3 (1), Perkara 3 (4) dan Perkara 4 (1). Dan ia juga bercanggah dengan (i) Deklarasi Amman, (ii) Deklarasi Islamabad dan (iii) Deklarasi Makkah al-Mukarramah yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia bahawa Syiah Imamiyyah Ja’fari dan Syiah Zaidi adalah mazhab yang diakui di dalam Islam. Allah S.W.T berfirman di dalam surah al-Ma’idah (5): 1 “*Wahai orang-orang yang beriman! Penuhilah janji-janji*” Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

6. “Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam, Hukum Syarak yang berasaskan pegangan dan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja”. **Jawapannya:** Fatwa ini adalah bercanggah dengan sebahagian ayat-ayat hukum al-Qur’an yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah (lihat bab kelapan). Dan Ia tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 3 (1) dan 4 (1), 5 (1), 8 (1), 10 (1) dan 12 (1). Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

7. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa- apa buku, risalah , filem , video dan lain – lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan”. **Jawapannya:** Ia menyalahi sebahagian ayat-ayat hukum al-Qur’an dan Hadis nabi s.a.w (lihat bab kelapan dan bab kesembilan). Dan ia tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 11 (3), 3 (1), 4 (1), 5 (1), 8 (1), 10 (1) dan Perkara 12 (1). Walau bagaimana pun ia akan dicabar di Mahkamah Tinggi Persekutuan, Insha’ Allah. Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

Peringatan: (i) Berlaku kesilapan terjemahan bagi fatwa no.2 di dalam teks bahasa Arab tentang perkataan “pegangan” yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan perkataan (ii) *jamak* (*plural*) “*madhaahib*” (mazhab-mazhab) sepatutnya (iii) perkataan “pegangan” diterjemahkan sebagai satu “*madhhab*” (iv) bukan “*madhaahib*” (banyak pegangan) (v) Bandingkan dengan teks bahasa Inggeris “*on the doctrine*” Singular (vi) bertepatan terjemahannya dengan perkataan pegangan. Justeru (vii) terjemahan bahasa Inggerisnya adalah bertepatan dengan teks asal bahasa Malaysia sebagai “the doctrine of” dan (viii) terjemahan ke dalam bahasa Arabnya dengan *jamak* adalah melebihi maksud fatwa itu.

(ix) Ini bererti jika dibaca di dalam bahasa Arab fatwa ini mengakui mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama’ah (banyak mazhab Sunni). Sementara di dalam bahasa Malaysia bererti satu pegangan/mazhab sahaja dan begitu juga satu *doctrine* /pegangan/mazhab di dalam bahasa Inggeris. Soalnya: (x) Kenapakah di dalam bahasa Arab “pegangan” diterjemahkan dengan perkataan *jamak* “mazhab-mazhab” yang tidak selaras dengan teks bahasa Malaysia “pegangan” dan terjemahan bahasa Inggerisnya adalah tepat dengan perkataan “pegangan” sebagai “*the doctrine*”? (xi) Adakah ia bagi mengambil hati kerajaan Arab kerana mazhab-mazhab mereka dikira halal di Malaysia?

(xii) Kenapa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia mengelak dari menggunakan perkataan “mazhab” di dalam fatwa mereka di dalam bahasa Kebangsaan sedangkan di dalam bahasa Arab perkataan pegangan diterjemahkan dengan perkataan mazhab-mazhab? (xiii) Begitu juga kesilapan berlaku di dalam terjemahan bahasa Arab: *Inna al-Madhahib al-Islamiyyah al-Muttaba’ah fi Malizia hiya madhhab Ahli Sunnah Wal-Jama’ah* (Sesungguhnya Mazhab-mazhab Islam yang dianuti di Malaysia adalah mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama’ah) sementara teks asal “hanya mengikut **ajaran Islam** yang berasaskan **pegangan** Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja.

(xiv) Di dalam bahasa Inggerisnya “*the teachings of Islam based on the doctrine of the Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*”. (xv) Sepatutnya terjemahannya: *Al-Ta’aalim al-Islamiyyah al-Muttaba’ah fi malizia hiya madhhab (satu mazhab sahaja) Ahli al-Sunnah Wal-Jama’ah faqat*. Iaitu **ajaran Islam** yang dianuti di Malaysia berasaskan **pegangan** Ahli Sunnah Wal-Jamaah (xvi) Sepatutnya “hanya mengikut **ajaran Islam** berasaskan pegangan (**mazhab**) **Syafi’i** di dalam fiqh dan **Abu Hasan Asy’ari** di dalam teologi ?(xvii) Justeru Syafi’i dan Abu Hasan Asy’ari ditinggalkan/dipinggirkan juga akhirnya (xviii) dipengaruhi pula oleh Muhammad bin Abdul Wahhab terutamanya dari sudut politik/ekonomi? (xix) Kenapa terjemahan bahasa Inggerisnya pula diterjemahkan dengan perkataan “doctrine” bukan perkataan “sect”? (xx) Atau kerana khawatir Arab akan mengetahui bahawa ajaran Islam “*al-Ta’aalim al-Islamiyyah*” di Malaysia adalah mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama’ah bukan berpusatkan kepada ajaran Abu Hasan Asy’ari sahaja?(xxi) Ini bererti perkataan pegangan=doctrine=mazhab-mazhab bukan *sect* dan perkataan ajaran Islam=the teachings of Islam=*al-Madhaahib al-Islamiyyah*=*al-Ta’aalim al-Islamiyyah* tidak termasuk ajaran Syiah? (xxii) Di dalam teks fatwa tidak boleh salah (xxiii) kerana akibatnya pengharaman=pengakafiran=penghalalan darah=pembunuhan beramai-ramai Syiah Melayu Islam boleh berlaku di Malaysia dengan penyebaran akhbar-akhbar tempatan anti-Syiah pada setiap hari, 60 ribu khatib jumaat seluruh Malaysia pada setiap minggu mengakhiri khutbah/kuliah mereka dengan mengkafirkan Syiah! (xxiv) kerana fatwa pengharamannya/pengkafirannya sudah disahkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Fatwa Kebangsaan dan enakmen kerajaan-kerajaan negeri

(xxii) **Tidak ada jaminan keselamatan untuk Syiah Melayu Islam:** Tindakan selanjutnya mungkin akan dilakukan (xxiii) oleh sesiapa saja (xxiv) kerana kerajaan Malaysia sendiri telah mengesahkan (*endorsed*) fatwa pengharaman/ pengkafiran Syiah (xxv) atau ia boleh dilakukan oleh individu Salafi Takfiri (xxvi) atau oleh pihak ketiga (xxviii) untuk menjalankan hukuman ke atas Syiah Melayu Islam Malaysia (xxix) yang tidak berdosa (xxx) secara persendirian (xxxi) bagi menanggung di air yang keruh. (*la samihallahu*). (xxxii) JAKIM di dalam khutbah jumaatnya pada 29 hb. November 2013 telah mengisytiharkan bahawa “perangi Syiah adalah jihad” dikeluarkan oleh Malaysiakini pada 30 hb. November 2013. Ini adalah antara kelemahan-kelemahan dari sudut perkataan dan implikasi fatwa pengharaman/pengkafiran Syiah di Malaysia (xxxiii) yang perlu dikaji semula dan dikembalikan kepada fatwa asal (xxxiv) yang menghalalkannya atau ia dimansuhkan kerana ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) dan Perkara 11 (1) yang merupakan *the supreme law of the Federation*. Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

C. Impikasi fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari dan Zaidi yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah sebagai Hukum Syarak:

(1) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah mengatasi al-Qur’an dan Perlembagaan Persekutuan

Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah di dalam fatwa dan enakmen kerajaan-kerajaan negeri mengatasi al-Qur’an itu sendiri sebagai Hukum Syarak bagi pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari kerana pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah dijadikan Hukum Syarak (e-fatwa) Sedangkan pegangan Ahli Sunnah wal-Jama’ah tidak boleh dijadikan Hukum Syarak di dalam Islam kerana sumber Hukum Syarak yang disepakati di dalam Islam adalah al-Qur’an dan Hadis nabi s. a. w, Fatwa Syeikh-Syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islambad memperakui mazhab Syiah Ja’fari sebagai mazhab yang sah beramal ibadat dengannya. Dan pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari juga menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) “*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with the Constitution shall, to the inconsistency, be void.*” Dan Perkara 11 (1) “*Every person has the right to profess and practise his religion...*” Justeru ia adalah “unConstitutional” dan “unIslamic”

(2) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah mengatasi Hadis Nabi s.a.w dan Perlembagaan Persekutuan

Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama’ah di dalam fatwa dan enakmen kerajaan-kerajaan negeri mengatasi Hadis atau Sunnah Nabi s.a.w sebagai sumber Hukum Syarak bagi pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja’fari yang memperakui seorang Muslim dengan mengucap dua kalimah syahada. Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Khalifah Ali a.s ketika dia mengutusnyanya untuk pembukaan Khaibar: Perangilah mereka sehingga mereka berkata tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah. Jika mereka berkata sedemikian, maka darah dan harta mereka terpelihara dari anda dan hisab mereka di atas Allah, jika Allah memberi hidayah kepada seorang lelaki melalui anda, maka ia adalah lebih baik dari dunia dan apa yang ada padanya” (*Sahih Muslim*, vii, hlm. 122). Dan ia juga bercanggah dengan

Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 4 (1) dan 11 (1) yang merupakan *Supreme law of Federation*. Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

(3) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Agama Islam dan Perlembagaan Persekutuan

Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah di dalam fatwa dan enakmen kerajaan-kerajaan negeri mengatasi Agama Islam itu sendiri kerana Fatwa menetapkan: (3) “Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak” (e-fatwa) bagi tujuan antaranya, pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari. Justeru mereka berkata bahawa Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari itu adalah musuh Agama Islam, menyeleweng daripada Agama Islam kerana bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah hendaklah berasaskan Agama Islam dan Agama Islam pula hendaklah berasaskan al-Qur'an dan Hadis bukan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

Perlu dinyatakan bahawa (1) Pegangan Syiah, menurut Fatwa, diharamkan pada 5.5. 1996 (2) Agama Islam, menurut Fatwa, adalah pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah itu sendiri (3) Hukum Syarak atau perundangan Islam, menurut Fatwa, adalah pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah itu sendiri (4) Ajaran Islam, menurut fatwa, adalah pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah itu sendiri (5) Penerbitan, penyiaran dan penyebaran, menurut Fatwa, adalah menurut pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah (6) Umat Islam, menurut Fatwa, adalah tertakluk kepada pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah (7) al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w tidak disebut atau dipinggirkan sebagai sumber Hukum Islam di dalam Fatwa pada 5.5. 1996. Ini menunjukkan sekali lagi bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular- termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil -kerana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*.

Ini bererti pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah (1) mengatasi Agama Islam itu sendiri (2) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Hukum Syarak atau Perundangan Islam itu sendiri (3) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Ajaran Islam itu sendiri (4) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi penerbitan, penyiaran dan penyebaran yang bertentangan dengannya (5) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi umat Islam di Malaysia kerana mereka tertakluk kepadanya (6) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi al-Qur'an dalam pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari (7) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Hadis Nabi s.a.w dalam pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam Mazhab Ja'fari (8) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi pegangan Syiah yang diharamkan di Malaysia menurut Fatwa yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), Perkara 3 (1) dan Perkara 4 (1). Justeru ia adalah tidak sah dan terbatal. Dan jika ditanya (1) apakah definisi Agama Islam itu? Jawapan menurut Fatwa : Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya Islam menurut al-Qur'an dan Hadis (2) Apakah definisi Hukum Syarak itu? Jawapan menurut Fatwa: Islam berasaskan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya Islam menurut al-Qur'an dan Hadis (3) Apakah definisi perundangan Islam itu? Jawapan menurut Fatwa: Islam berasaskan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya Islam menurut al-Qur'an

dan Hadis (4) Apakah definisi Ajaran Islam itu? Jawapan menurut Fatwa: Ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya Ajaran Islam menurut al-Qur'an dan Hadis (5) Apakah definisi penerbitan, penyiaran dan penyebaran Islam itu? Jawapan menurut Fatwa: Penerbitan, penyiaran dan penyebaran Islam yang tidak bertentangan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Sepatutnya Ajaran Islam menurut al-Qur'an dan Hadis.

(6) Dan jika ditanya manakah ajaran yang berasaskan al-Qur'an dan Hadis? Jawabannya: Tiada jawapan di dalam Fatwa di atas, kerana terdapat pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Justeru pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dijadikan sumber Hukum Syarak di Malaysia yang mana Agama Islam, Hukum Syarak atau Perundangan Islam, Ajaran Islam dan umat Islam tertakluk kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan bukan kepada al-Qur'an. Sepatutnya pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah "surbodinate" kepada al-Qur'an yang merupakan *the supreme law of Islam*. Justeru ia menyalahi al-Qur'an, dan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*.

Sedangkan fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islamabad memperakui mazhab Syiah Ja'fari sebagai mazhab Islam yang sah boleh beramal ibadat dengannya kerana al-Qur'an dan Hadis menjadi sumber Hukum Islam bukan pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah. Perlembagaan Persekutuan pula menyebut perkataan Islam secara umum tanpa menyebut mazhab tertentu dan menjamin kebebasan beragama dan bermazhab di Persekutuan Tanah Melayu. Justeru ia tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 4 (1) dan 11 (1). Oleh itu pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah tidak boleh mengatasi Agama Islam itu sendiri, al-Qur'an itu sendiri, dan Hadis nabi s.a.w itu sendiri dari semua sudut kerana terdapat pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w itu sendiri. Justeru "*The supreme law of Federation is Federal Constitution*" and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void". Justeru fatwa pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(4) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah lebih kebal dari al-Qur'an, Hadis dan Perlembagaan Persekutuan

Justeru sesiapa yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah walaupun dia menurut hukum al-Qur'an 100% dan hukum Hadis 100% adalah dikira menyalahi hukum Syarak Malaysia. Dan dia boleh diambil tindakan di bawah Mahkamah Syariah kerana hukum syarak/undang-undang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia adalah pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah sahaja. Dan ia pula bukanlah berasaskan kepada al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w 100% (lihat bab kelapan).

Sepatutnya hukum syarak adalah merupakan *khitab* Allah yang berkaitan dengan perbuatan hamba-hamba-Nya yang mukallaf yang ditugaskan untuk melakukan ibadat kepada Allah sama ada berkaitan dengan wajib, makruh, mubah dan lain-lain. Lantaran itu sebahagian hukum syarak yang difatwakan di Malaysia adalah bercanggah dengan al-Qur'an (lihat bab kelapan) dan Perlembagaan Persekutuan Perkara 4 (1) dan 11 (1) seperti fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dari beramal ibadat menurut pegangan mereka sedangkan ia diharuskan oleh fatwa Syeikh al-Azhar, tetapi ia dimansuhkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan

Malaysia pada 5 Mei 1996 setelah dibenarkannya. Kemudian ia diharuskan kembali oleh Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri. Justeru fatwa yang mengeluarkan Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah dari agama Islam oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia adalah tidak selaras dengan perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 4 (1) dan 3 (1) yang merupakan *Supreme law of Federation*. Justeru ia adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(5) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah tidak menjamin hak asasi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari

Ini disebabkan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah tidak memberi rahmat kepada seluruh manusia seperti al-Qur'an, malah ia memberi azab kepada Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari kerana mereka diletakkan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah bagi tujuan menindas mereka kerana kepercayaan mereka sedangkan Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islamabad memperakui Syiah Ja'fari sebagai mazhab yang sah dan boleh beramal ibadat dengannya. Justeru pengharamannya adalah "unIslamic dan ia juga menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1). Justeru ia adalah "unconstitutional"

(6) Pengangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the Federation* dalam pengharaman penerbitan dan penyebaran segala bentuk risalah, buku dan lain-lain yang bertentangan dengan pegangan Ahli sunnah Wal-Jama'ah

Fatwa ini adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) *Every person has the right to profess and practise his religion and, subject to Clause (4), to progate it. (ibid, hlm. 28)*. Ertinya: Setiap individu mempunyai hak untuk mempercayai dan beramal dengan agamanya dan tertakluk kepada *clause* (4), untuk menyebarnya. Dan perkara 11 (3), a, b, "*Every religious group has the right-*

(a) *To manage its own religious affairs;*

(b) *To establish and maintain institutions for religious or charitable purposes; "*

Ertinya: Setiap kumpulan agama mempunyai hak (a) Untuk menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri; (b) Untuk menubuh dan menjaga institusi-institusi untuk keagamaan atau bertujuan kebajikan (mengutip derma). Ini bererti Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia berhak untuk melakukan perkara-perkara tersebut menurut Perlembagaan Persekutuan perkara 11 dan Perkara 12 (2) *Every religious group has the right to establish and maintain institutions for the education of children in its own, and there shall be no discrimination on the ground only of religion in any law relating to such law; but it shall be lawful for the Federation or a state to establish or assist in establishing or maintaining Islamic institutions or provide or assist in providing instruction in the religion of Islam and incur such expenditure as may be necessary for the purpose.*

Fatwa Syeikh-syeik al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah dan Deklarasi Islamabad memperakui mazhab Syi'ah Ja'fari sebagai mazhab Islam dan boleh beramal ibadat dengannya. Oleh itu Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari boleh menggunakan segala keperluan di dalam ibadat seperti *turbah husainiyyah* ketika sujud untuk mengambil berkat dari tanah Karbala' umpamanya, dan perkara yang lain di dalam ibadat dan dari sudut keilmuan, seperti mendirikan Universiti, perpustakaan, menyimpan buku-buku Syiah Islam seperti *Mafatih al-Jinan*, *buku-buku marja' Taqlid* serta menyebarnya di kalangan Syiah sebagaimana termaktub di dalam Perkara 11 (1-3) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *Supreme law of Federation*. Justeru pengharamannya adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(7) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi al-Qur'an dan Perlembagaan Persekutuan apabila Fatwa menetapkan: Ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak / Undang-Undang Islam di Malaysia

Ini bererti hukum-hukum al-Qur'an yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah dikira bercanggah dengan Hukum Syarak/ Undang-Undang Islam Malaysia yang difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (lihat bab kelapan). Soalnya berapa banyak ayat-ayat hukum al-Qur'an yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah terpaksa ditolak atau dipinggirkan?. Fatwa ini bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w yang menjadi sumber hukum di dalam Islam (lihat bab ketujuh dan bab kelapan sebagai contoh). Dan ia juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 11 (3), 5 (1), 8 (1) dan Perkara 4 (1) *This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.* (*ibid*, hlm. 21). Justeru ia adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(8) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengatasi Perlembagaan Persekutuan sebagai the supreme law of the Federation apabila Fatwa menetapkan: Umat Islam di negara ini tertakluk kepada Hukum Syarak/ Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan bukan Islam yang berasaskan al-Qur'an dan Hadis

Fatwa ini adalah bercanggah dengan ayat-ayat hukum al-Qur'an yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah wal-Jama'ah (lihat bab kelapan) ia juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11,5, 8, 3 (1) dan 4 (1) *This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void*". Soalnya: Siapakah yang akan bertanggungjawab kepada Allah di hari Akhirat kelak tentang fatwa pengharaman/pengkafiran/penghalalan darah/pembunuhan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Malaysia? Justeru ia adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(9) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah asas bagi Undang-undang Jenayah Syariah bagi pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari bukan al-Qur'an dan Hadis dan bukan juga Perlembagaan Persekutuan

Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah dan Syiah Zaidiyyah Melayu Islam diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 5 Mei, 1996 untuk diamalkan di Malaysia. Ini bererti Syiah Melayu tidak termasuk di dalam kategori Islam dan dipindahkan ke kategori bukan Islam menurut fatwa tersebut, tetapi dari sudut Perlembagaan Persekutuan, Syiah Melayu masih di dalam Perkara 3 (1), tetapi dikawal dengan Enakmen Jenayah Syariah. Dan fatwa ini adalah merupakan "ISA SYARIAH" yang dikenakan ke atas Syiah Melayu Islam Ja'fari di Malaysia kerana kepercayaan dan amalan mereka. Walau bagaimana pun fatwa ini adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1). Dan ia adalah tidak sah dan terbatal menurut Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan. Soalnya: (i) Bagaimanakah dengan Syiah Melayu sebelum 5 Mei, 1996 (ii) adakah semudah itu mereka diperlakukan dengan Enakmen Jenayah Syariah (iii) yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan? (iv) Dan tidakkah fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari setelah dihalalkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei, 1996 itu telah mengatasi Perlembagaan Persekutuan 4(1) yang merupakan the *Supreme law of the Federation*? Justeru ia adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(10) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang dijadikan asas Hukum Syarak di Mahkamah Syariah bagi pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari sepatutnya tidak membicarakan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari di Mahkamah Syariah dan mereka hendaklah dibebaskan kerana mereka telah membuat akuan sumpah (SD) Akta Parlimen No. 13 1960 mengisytiharkan bahawa status agama mereka adalah ISLAM bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) mentaati DYMM Baginda Yang di-pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan, menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta menolak sebarang bentuk keganasan"

Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah Melayu Islam sepatutnya tidak dibicarakan di Mahkamah Syariah yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah atau terus dibebaskan jika disebabkan kepercayaan mereka kerana Mahkamah Syariah menggunakan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja di dalam Hukum Syarak yang bercanggah dengan pegangan Syiah. Justeru keadilan tidak terjamin. Sedangkan tujuan penghakiman adalah untuk mencari keadilan kepada tertuduh. Bagaimana jika tertuduh dihukum sebelum dibicarakan? Hukum Syarak Malaysia pula tidak boleh menerima al-Qur'an dan Hadis (lihat bab kelapan) sebagai *the supreme law of the Federation*. Oleh itu, fatwa / Enakmen Jenayah anti -Syiah Melayu memberi tekanan dan bebanan percuma kepada Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), 3(1) dan 4 (1). Tidakkah Mahkamah Syriah adalah "subordinate" kepada Mahkamah Sivil dan Mahkamah Sivil pula adalah "surbodinate" kepada Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*? Justeru ia adalah "unConstitutional" dan "unIslamic"

(11) Fatwa hendaklah selaras dengan al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w, bukan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang dipimpin oleh Abul Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi yang datang hampir 300 tahun setelah kewafatan nabi Muhammad s.a.w

Apabila fatwa tidak selaras dengan al-Qur'an dan Hadis atau Sunnah Nabi s.a.w, maka ia adalah tidak sah dan terbatal menurut Islam Muhammadi (lihat bab ketujuh dan bab kelapan). Justeru ia adalah "unIslamic" Jika mereka mengatakan bahawa pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah al-Qur'an dan Hadis, maka kenapakah Islam berasaskan al-Qur'an dan Hadis dipinda kepada Islam

berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Tidakkah pindaannya bagi menyelaraskan Hukum Syarak yang berasaskan al-Qur'an kepada Hukum Syarak yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah supaya ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang sekular sifatnya sehingga al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*? Justeru tidak ada dua *supreme law* di dalam sebuah negara? Jika pindaan itu adalah untuk penyelarasan antara Perlembagaan Persekutuan yang sekular (unIslamic) dan fatwa atau enakmen kerajaan-kerajaan negeri yang tidak sekular (*Islamic*) kerana Islam di negeri-negeri dewasa itu berasaskan al-Qur'an dan Hadis menjadi dominan, lalu ia dipinda kepada Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah (e-fatwa) yang mana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of Islam* termasuk di Mahkamah Syariah.

Justeru Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan negeri tidak menjadikan al-Qur'an sebagai *the supreme law of the Federation* kerana hanya Perlembagaan Persekutuan sahaja yang merupakan *the supreme law of the land*. Oleh itu, Malaysia adalah sebuah negara sekular-termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil- kerana al-Qur'an tidak dijadikan *the supreme law of the Federation*. Tetapi apa yang anehnya pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dijadikan *the supreme law* di dalam Mahkamah Syariah sehingga ia mengatasi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation*. Ia juga mengatasi al-Qur'an dan Hadis itu sendiri khususnya di dalam kes pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari. Justeru Fatwa atau enakmen Kerajaan-kerajaan negeri dalam pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari adalah tidak sah kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1), Perkara 3 (1), Perkara 3 (4) dan Perkara 4 (1), Perkara 5 (1), Perkara 8 (1) dan Perkara 12 (1). Justeru ia adalah "unConstitutional" dan "unIslamic"

(12) Fatwa hendaklah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan

Apabila fatwa tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (i). *Islam is the religion of the Federation, but other religions may be practised in peace and harmony in any part of Federation*, Perkara 11 (1) dan 4 (1) Perlembagaan Persekutuan, maka ia adalah tidak sah dan terbatal. Kerana Islam mempunyai banyak mazhab dan bukan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja (lihat bab ketujuh). Ini termasuk Syi'ah Imamiyyah Ja'fariyyah. Justeru fatwa pengharaman Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah Melayu dan Zaidiyyah Melayu di Malaysia adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 11 (1) dan 4 (1). Justeru ia adalah tidak sah dan terbatal menurut Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *Supreme law of Federation*. Justeru ia adalah "unconstitutional"

(13) Kedudukan Fatwa dahulu dan sekarang

Fatwa sekarang adalah bercanggah dengan fatwanya yang terdahulu dan ia bercanggah dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para Syeikh al-Azhar yang lebih alim (*al'amiyyah*) daripadanya telah membenarkan beramal ibadat dengan mazhab Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah, tetapi fatwa no. 20 (JAIS) memberi implikasi bahawa ketenteraman tidak wujud lagi bagi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari kerana ia diletakkan di bawah Enakmen Jenayah Kerajaan Negeri Selangor dan negeri-negeri di Malaysia. Justeru ia bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis (lihat

bab kelapan) serta Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) dan 11 (1) yang merupakan *supreme law of the Federation*. Justeru ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

(14) Akibat fatwa ini kepada Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari

Fatwa ini menyekat kami bagi menyambut hari *wiladah* (kelahiran) Rasulullah s.a.w, *wiladah* Fatimah al-Zahra' anak perempuan Rasulullah s.a.w, *wiladah* Imam Ali a.s menantunya Rasulullah s.a.w, *wasi* (pengganti) dan sepupunya, *wiladah* Imam Hasan a.s, *wiladah* Imam Husain a.s cucunya Rasulullah s.a.w dan lain-lain daripada Ahlu-Bait Rasulullah s.a.w sedangkan hari jadi manusia biasapun disambut. Kami telah diserbu oleh pegawai dan penguat kuasa JAIS beberapa kali antaranya ketika kami merayakan hari *wiladah* Fatimah binti Muhammad s.a.w pada tahun 2012 walaupun kami telah mendapat kebenaran dari Majlis Perbandaran Gombak, itu sebagai contoh sahaja. Fatwa itu telah menyekat kami dari hidup bermasyarakat dan melakukan amal ibadat secara berjama'ah sebagaimana dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Kami tidak dilayani dengan adil seperti masyarakat-masyarakat yang lain di negara ini; seperti masyarakat Hindu di Selangor secara khusus seabagai contoh dan di Malaysia amnya mendapat keamanan dan kebebasan bagi menyambut *wiladah* Tuhan-Tuhan Hindu mereka di Kuil Batu Caves. Justeru Fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1). Apatah lagi upacara pemujaan kepada Tuhan-Tuhan mereka dihadiri juga oleh pembesar-pembesar dari kalangan Ahli Sunnah Wal-Jamaa'ah Malaysia pada setiap tahun.

Akibat daripada fatwa ini, hampir di setiap minggu, Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dicaci dan dikutuk secara rasmi di dalam khutbah-khutbah Jumaat di bawah JAIS dan JAKIM di setiap masjid di negeri Selangor dan di seluruh Malaysia yang melebihi 60 ribu masjid dan surau terutamanya apabila ia dibaca di dalam khutbah-khutbah Jumaat dan usrah-usrah agama di jabatan-jabatan kerajaan secara berterusan membuat fitnah, melukai perasaan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan membuat hasutan terhadap mereka. Justeru Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dihina, ditahan dan dipenjarakan kerana kepercayaan mereka. Oleh itu, ia adalah “unconstitutional” dan “unIslamic”

(15) Kutukan terhadap Ali bin Abi Talib a.s dulu dan sekarang

Sebagaimana Ali bin Abi Talib dikutuk (dilaknati) dan dicaci oleh Mu'awiyah bin Abi Sufyan semasa pemerintahannya dan selepasnya iaitu sehingga datangnya Khalifah Umar bin 'Abdul Aziz, lalu dia menghentikan cacian dan kutukan terhadap Ali bin Abi Talib as. Cacian dan kutukan itu dilakukan dalam khutbah-khutbah Jumaat (*al-'Aqd al-Farid*,1, hlm.246). Yaqut al-Hamawi menyatakan: “Atas perintah Mu'awiyah, 'Ali dilaknat sepanjang masa kekuasaan Bani Umayyah dari Timur hingga ke Barat di masjid-masjid” (*Mu'jam al-Buldan*,1, hlm.191).

Al-Maududi di dalam bukunya *al-Khilafah Wa l-Mulk (Khalifah Dan Kerajaan)* menulis: “Di zaman Muawiyah dimulai kebiasaan mengutuk Sayyidina Ali dari atas mimbar-mimbar masjid dan pencaci-makian serta penceraan terhadap pribadinya secara terang-terangan, di siang hari maupun di malam hari. Kaum Muslimin di mana-mana merasa sedih dan sakit hati sungguh pun mereka terpaksa berdiam diri memendamkan perasaannya itu. Kecuali Hujur bin Adi, yang tidak dapat menyabarkan dirinya” (*Khilafah Dan Kerajaan*, hlm. 209-210, Penerbit Mizan, Cet. VII, 1998,

Bandung). Persoalan yang timbul: Adakah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah Melayu sekarang masih menentang Ali a.s dan para pengikutnya? Justeru ia adalah "unIslamic" dan "unConstitutional"

(16) Kutukan dan tindakan undang-undang terhadap Syi'ah Melayu Islam mazhab Ja'fari

Perbezaannya sekarang Ali bin Abi Talib a.s tidak dicaci dan dikutuk di masjid-masjid di negeri Selangor secara khusus dan di Malaysia secara amnya, tetapi para pengikut Ali bin Abi Talib atau Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah Melayu dijadikan bahan kutukan dan kebencian di masjid-masjid apatah lagi jika dana asing (Wahabi) diterima secara bulanan atau tahunan di dalam pelbagai bentuk bagi menentang Syi'ah Melayu di Malaysia. Kami belum pasti sama ada Syiah turut di kutuk di dalam khutbah-khutbah agama Hindu berdasarkan fatwa no.20, ix, bahawa Syiah mengkafir para sahabat Rasulullah s.a.w di kuil-kuil Hindu mereka di Batu Caves dan lain-lain.

Justeru mereka bukanlah dari Ahli Sunnah Nabi s.a.w (lihat bab kedua- bab kelima), malah mereka adalah dari Ahli Sunnah Mu'awiyah yang memusuhi Ali bin Abi Talib a.s dan para pengikutnya. Oleh itu fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari bererti menolak perpaduan umat dan kehidupan harmoni secara keseluruhannya dengan menggalakkan orang ramai supaya membenci Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dimulai dari masjid-masjid di bawah arahan Jabatan-Jabatan Agama Islam negeri di seluruh Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sehingga Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Melayu tidak ada hak lagi untuk menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni sebagai manusia yang merdeka di negara ini menurut Perlembagaan Persekutuan perkara 3 (1) dan 11 (1) Justeru ia adalah "unconstitutional" dan "unIslamic"

(17) Peranan Salafi/Wahabi di dalam dan di luar Malaysia

Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh Salafi-Wahabi yang menyamar sebagai Ahli Sunnah Wal-Jama'ah telah menular di dalam fahaman Ahli Sunnah Wal-Jama'ah di Malaysia dengan menerapkan sikap mereka yang ekstrim. Justeru berlakulah umpamanya *fatwa no.20* yang menyalahi fatwa-fatwa Syeikh al-Azhar daripada Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Ini adalah kerana Wahabi telah menolak fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang bermazhab al-Asya'irah seperti dipegang oleh Syeikh-syeikh al-Azhar.

Pengeboman di World Trade Center di New York 9/11, pengeboman di Bali, pengeboman di masjid-masjid di Pakistan, Iraq, pembongkaran kubur sahabat Nabi s.a.w Hujur Bin 'Adi di Syria pada 2/5/2013 (*Farsnews*), pembakaran kubur sahabat Nabi s.a.w Ja'far al-Tayyar di Jordan pada 4/5/2013 (*Farsnews*), penyerangan dan pembakaran 5 rumah kediaman Syiah di Giza, Mesir dan akibatnya kematian 4 orang Syiah pada 24/6/2013 (*al-Alamnews*) dan lain-lain yang telah berlaku dan sedang berlaku biasanya ada kaitan dengan penganut-penganut fahaman Salafi/Wahabi. Mereka dikenali dengan nama yang bermacam-macam: Salafi (*takfiri*), al-Qaeda, Taliban, Jabhah al-Nusurah-takfiri dan lain-lain. Apa yang pentingnya bahawa mereka adalah daripada fahaman Wahabi dan misi mereka adalah untuk memecah belahkan perpaduan umat Islam; Sunnah dan Syiah umpamanya. Mereka membunuh Syiah walaupun Syiah berada di masjid-masjid dan di husainiyah-husainiyah mereka. Wahabi senang diperalat kemudian menjadi khadam kepada musuh-musuh Islam bagi tujuan pecah dan perintah (*divide and rule*) seperti apa yang berlaku di Libya, Iraq dan Syria kerana mereka menolak ilmu logik dan ilmu falsafah serta sejarah. Oleh itu mereka mewarisi kejumudan di dalam fikiran. Sebenarnya mereka adalah Khawarij (moden) di

abad ini. (sila lihat *"Putrajaya denounces Islamic State militants" Malaymailonline 27 Ogos, 2014*).

D. Beberapa soalan dikemukakan kepada JAKIM yang memberi jaminan "Tidak khianati kepercayaan umat Islam" (Portal Islam & Melayu oleh ISMA 6.6. 2014).

(1) Tanya JAKIM kenapakah al-Quran dan Hadis tidak dijadikan sumber Hukum Syarak atau Undang-undang Islam di Malaysia sejak fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah pada 5.5. 1996? Kenapakah definisi Hukum Syarak atau Undang-undang Islam dipinda kepada "Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sejak fatwanya pada 5.5. 1996? Tidakkah itu boleh dikira suatu pengkhianatan yang besar? Tidakkah sumber *Tasyri' Islam* adalah al-Qur'an dan Hadis bukan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Adakah JAKIM telah mengambil peranan ketuhanan dalam perkara ini? Pindaan tersebut berbunyi (4) : "Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atau Undang- Undang Islam seperti berikut : " Hukum Syarak atau Undang - Undang Islam ertinya Undang - Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlaq" (E-Fatwa).

Tidakkah Fatwa ini bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w sebagai sumber Hukum Islam yang yang disepakati oleh semua mazhab Islam? Tidakkah terdapat (antara) Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang menyalahi al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w itu sendiri, kemudian sebahagian al-Qur'an dan Hadis itu pula terpaksa ditolak atau dipinggirkan kerana menyalahi Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Dan tidakkah Fatwa ini juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 4(1) Perkara 11(1) dan Perkara 3 (1)? Tidakkah Fatwa ini merupakan *masdar al-Tasyri'* yang mengatasi kuasa al-Qur'an dan Hadis Rasulullah s.a.w yang disyariatkan oleh Allah S.W.T? (5) "Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-Undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang" (E-Fatwa). Tidakkah Fatwa ini bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadis nabi s.a.w yang dijadikan sumber hukum Islam yang disepakati di dalam Islam dan ia juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1-3), Perkara 3 (1), Perkara 3 (4) dan Perkara 4 (1)? Tidakkah Fatwa ini juga bercanggah dengan (i) Deklarasi Amman, (ii) Deklarasi Islamabad dan (iii) Deklarasi Makkah al-Mukarramah yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia bahawa Syiah Imamiyyah Ja'fari dan Syiah Zaidi adalah mazhab yang diakui di dalam Islam? Tidakkah Allah S.W.T berfirman di dalam surah al-Ma'idah (5): 1 "*Wahai orang-orang yang beriman! Penuhilah janji-janji*"

(2) Buku "Soal Jawab tentang Syiah Di Malaysia" keluaran JAKIM. Nilai akademiknya adalah rendah, condong kepada fikiran takfiri, penulisnya Mohd Aizam Mas'ud tidak menghormati Perlembagaan persekutuan. Banyak fakta yang tidak bertepatan dengan hakikat sebenar umpamanya Syiah asing boleh beramalibadat dengan ajaran Syiahnya secara peribadi sementara Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari diharamkan amalannya hlm. 93. Putar belit tentang Fatwa Syaltut dan Deklarasi Amman dengan idea takfirinya. Jika penulisnya mengutip pendapat Syiah tentang kafirnya Ahli Sunnah mengenai *Imamah* sebagai Usuluddin, jangan lupa terdapat ulama Ahli Sunnah yang bersependapat dengan Syiah bahawa *Imamah* adalah sebahagian daripada

Usuluddin seperti al-Baidhawi dan lain-lain, malah ada pendapat ulama Sunni yang berpendapat bahawa "Imamah Abu Bakar dan Umar itu adalah asas agama. Dan sesiapa yang yang mengingkarinya adalah kafir".

Oleh itu kafirlah Fatimah Bt Muhammad, Ali, Hasan, Husan dan di kalangan sahabat seperti Salman al-Farisi, Miqdad, Abu Dhar, Ammar dan lain-lain kerana mereka mengingkari Khilafah Abu Bakar dan Umar. Soalnya: Siapakah Muslim di Negara ini jika Syiah Minoriti dikafirkan oleh Sunni dan Sunni majoriti dikafirkan oleh Syiah? Jangan lupa bahawa Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari adalah warga negara Malaysia. Mereka berhak dilindungi Undang-Undang. Dan dari sudut Perlembagaan Negara, Malaysia adalah sebuah negara sekular-termasuk Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil- kerana al-Qur'an tidak dijadikan sebagai *the supreme law of the Federation*. Justeru siapa yang menyalahi Perlembagaan Persekutuan akan menghadapi pengadilan di Mahkamah Tinggi Persekutuan. Lantaran itu buku ini tidak menunjukkan akademik yang setara dan ia menyalahi Perlembagaan Persekutuan perkara 11.

Buku ini juga menghina Tun Abdullah Badawi kerana buku ini menolak Deklarasi Amman yang ditandatangani oleh beliau sendiri sebagai PM Malaysia dan Pengerusi OIC pada masa itu, menghina Menteri-Menteri di Jabatan Perdana; Menteri bahagian Agama, termasuk Shahidan Kassim dan Khairy Jamaluddin secara tidak langsung. Buku ini ditulis bagi mencetus permusuhan antara Sunni-Syiah-Melayu di Malaysia. Ia merupakan buku provokasi bagi mengeluarkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dari Masyarakat Malaysia. Dan ia menyalahi perkara 11 (1), 3 (1), 5 (1) dan 8 (1) Perlembagaan Persekutuan. Tanya sendiri Tun Abdullah Badawi apakah yang dimaksudkan dalam Deklarasi Amman dengan 8 mazhab yang diakui dalam Islam termasuk 2 mazhab Syiah; Ja'fari dan Zaidi itu? (Portal Islam& Melayu oleh ISMA pada 6.6.2014).

3. Tanya JAKIM kenapakah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM) telah menghalalkan mazhab Syiah Imamiyyah Ja'fari dan mazhab Syiah Zaidi kemudian mengharamkannya pada 5.5. 1996?

Tanya JAKIM tidakkah "penghalalan" 2 mazhab Syiah Islam itu bertepatan dengan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation* sementara pengharamannya pada 5.5. 1996 sehingga ke hari ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan? Tidakkah fatwanya yang kedua menyalahi fatwanya yang pertama dan menyalahi Perlembagaan persekutuan??

4. Tanya JAKIM tidakkah fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM) dan enakmen Kerajaan-kerajaan negeri menyalahi fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar (maha guru mereka) yang menghalalkan mazhab Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi?

5. Fatwa Syeikh-syeikh al-Azhar:

I. Terjemahan teks fatwa yang telah dikeluarkan oleh yang mulia al-Ustaz al-Akbar Syeikh Mahmud Syaltut Syeikh Universiti al-Azhar tentang harusnya melakukan amal ibadat menurut mazhab Syi'ah Imamiyyah.

Bismi llahi r-Rahmani –Rahim

Syeikh Syaltut menjawab: Setengah orang berpendapat bahawa untuk sahnya ibadat dan mu'amalat seorang Muslim itu mestilah mengikuti salah satu daripada mazhab yang empat. Sementara mazhab Syi'ah Imamiyyah dan Syi'ah Zaidiyyah tidak termasuk. Adakah anda bersetuju pendapat tersebut secara mutlak? Justeru itu anda melarang (orang ramai) mengikuti mazhab Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah umpamanya?

Beliau menjawab:

(i). Agama Islam tidak mewajibkan ke atas seorompokun dari pengikut-pengikutnya berpegang kepada mazhab tertentu. Malah kami berpendapat bahawa setiap Muslim berhak mengikuti mana-mana mazhab yang dipindah secara betul dan hukum-hukumnya pula disusun di dalam kitab-kitab tertentu. Dan bagi individu yang telah mengikuti mana-mana mazhab dari mazhab-mazhab tersebut dibolehkan pula berpindah kepada mazhab yang lain. Iaitu mana-mana mazhab yang lain dan ia tidak sedikitpun berdosa berbuat demikian.

(ii). Sesungguhnya mazhab Ja'fari yang dikenali dengan mazhab Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyya ialah satu mazhab yang harus beramal ibadat dengannya dari segi syarak seperti mazhab-mazhab Ahli Sunnah. Oleh itu bagi orang Islam hendaklah mengetahuinya dan membebaskan diri mereka dari asabiyyah tanpa kebenaran kepada mazhab-mazhab tertentu. Agama Islam atau syariatnya bukanlah mengikuti mazhab tertentu atau berhenti di atas satu mazhab. Kerana semua mujtahid diterima di sisi Allah. Dan harus bagi orang yang tidak pakar di dalam perbincangan (*al-Nazar*) dan ijtihad mengikuti mereka dan beramal dengan apa yang mereka tetapkan di dalam fiqh mereka. Dan tidak ada perbezaan di dalam hal itu di antara hukum-hukum ibadat dan mu'amalat.

Sayyid al-'Allamah al-Ustaz Muhammad Taqi al-Qummi:

Setiausaha umum Jama'ah al-Al-Taqrub di kalangan mazhab-mazhab Islam:

Salamun 'Alaikum wa rahmat.

Adapun kemudian daripada itu adalah mengembirakan sekali bahawa saya mengutuskan kepada yang mulia satu salinan yang ditandatangani dari fatwa yang dikeluarkan tentang harusnya beribadat dengan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah dengan harapan anda menyimpannya di dalam pendaftaran Dar al-Al-Taqrub Baina al-Madhahib yang kita telah mengambil bahagian bersama di dalam pembentukannya. Semoga Allah memberi taufik kepada kita bagi mencapai matlamatnya. *Assalamu 'alaikum.*

Syeikh Mahmud Syaltut

Syeikh Universiti al-Azhar.

II. Terjemahan Teks Fatwa Syeikh Salim al-Busyra, Rektor Universiti al-Azhar dari tahun 1335 H/1909 M-1320 H/ 1900 M-1904 M dan tahun 1327 H/1909 M-1916 M

Kepada:

Sayyid 'Abdu l-Husain Syarafuddin al- 'Amili.

Surat bertarikh pada 3 Dhul- Hijjah 1329 H.

“Tidak menjadi halangan bagi seorang Sunni mengambil hujah dari saudaranya (seorang Syi'ah) apabila hujahnya kukuh. Pendapat anda dalam soal ini adalah benar dan nyata. Sementara pendapat orang yang menentang adalah semata-mata degil dan keras kerana pendapat mereka bahawa tidak sahnya berpegang dengan hujah-hujah Syi'ah adalah bertentangan dengan perbuatan mereka sendiri. Dan perbuatan mereka pula dalam mengambil hujah-hujah adalah bertentangan dengan perkataan mereka. Oleh itu perkataan dan perbuatan mereka tidak selaras dan sejajar. Dan ia tidak akan mencapai sebarang matlamat. Pendapat mereka bertentangan di antara satu sama lain. Lantaran itu hujah mereka adalah lemah dan hujah anda adalah kukuh.

Di dalam waktu yang singkat ini saya ingin menamakan tulisan ini untuk anda dengan nama “*Isnad* Syi'ah di dalam *Isnad* Sunnah”. Saya harap pembaikan (*islah*) akan berlaku di dunia Islam dengan pesatnya, Insya Allah. Kami beriman dengan semua ayat-ayat Allah (Dan ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan kepada Sayyidina Amir al-Mukminin 'Ali bin Abi Talib dan semua Ahlul-Baitnya (r.d) lebih banyak dari apa yang telah anda kemukakannya kepada saya).

Surat bertarikh 7 Dhu l-Hijjah 1329 H

“Hakim-hakim yang adil tidak akan menghukum dengan sesat terhadap orang yang berpegang dengan tali Ahlu l-Bait dan orang yang mengikuti jalan mereka. Para imam mereka tidak ada kekurangan di dalam sesuatupun daripada para imam yang selayaknya menduduki mencukupi dan diberi ganjaran oleh Allah S.W.T sepertilah beramal dengan salah satu daripada mazhab yang empat tanpa diragukan lagi”

Syeikh Salim al-Busyra

Syeikh al-Azhar.

III.Terjemahan teks fatwa Syeikh Muhammad al-Fahham,

Rektor Universiti al-Azhar.

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Muhammad al-Fahham,

Rektor Universiti al-Azhar

“Yang mulia Syeikh Hasan Sa'id adalah seorang ulama besar di Tehran telah membuat kunjungan hormat ke rumahku No.5 Jalan Ali bin Abi Talib bersama yang mulia al-'Allamah Sayyid al-Rifa'i. Kunjungan itu telah meninggalkan kenangan yang indah di dalam jiwaku dan mengingatkan kenangan yang manis semasa kunjunganku ke Tehran pada tahun 1970. Di sana aku telah berkenalan dengan kumpulan ulama Syi'ah Imamiyyah yang besar. Aku mengenali

keperibadian mereka yang mulia dan telah melayaniku begitu mesra di mana aku tidak pernah menjangka sebelumnya.

Kunjungan mereka ke rumahku pada hari itu sebagai membuktikan kehormatan mereka kepadaku. Semoga Allah memberi ganjaran kepada mereka di atas usaha mereka yang baik bagi merapatkan jurang perbezaan di kalangan mazhab-mazhab Islam yang satu dengan mengumpulkan mereka di atas arena persaudaraan yang telah dianjurkan al-Qur'an sebagaimana firman-Nya:

"Sesungguhnya orang mukmin adalah bersaudara". Surah al-Hujarat (49:10). Persaudaraan ini adalah menjadi kewajiban ke atas para ulama yang berbeza aliran mazhab menjaga nilainya dan meninggalkan apa yang boleh mengeruhkan suasana dari segi faktor perpecahan yang dilarang oleh Allah S.W.T di dalam kitabNya yang mulia: *"Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantahan yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang keutamaanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar"*. Surah al-Anfal (8:46).

Semoga Allah mencucuri rahmat-Nya ke atas Syeikh Syaltut yang telah mengambil berat tentang pengertian yang mulia ini. Lantaran itu dia tetap dengan fatwanya yang jelas dan berani sehingga dia berkata maksudnya: Harus beramal dengan mazhab Syi'ah Imamiyyah sebagai mazhab fikah Islam yang berasaskan al-Qur'an, Sunnah dan dalil yang kuat. Saya berdoa kepada Allah S.W.T supaya merestui orang yang berusaha ke arah memprdekatkan hubungan persaudaraan di dalam akidah Islam yang sebenarnya sebagaimana firmanNya: *"Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu"*. Surah al-Taubah (9:105) *Wa l-Hamdddu li llahi Rabbi l 'Alamin.*

Muhammad al-Fahham,

Syeikh al- Azhar.

21 Dhu l-Qa'idah, 1397 H

IV. Terjemahan fatwa Syeikh 'Abdu l-Halim Mahmud, Rektor Universiti al-Azhar.

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Al-Azhar,

Pejabat al-Imam al-Akbar,

Syeikh al-Azhar

Teks Fatwa yang telah ditulis oleh al-Ustaz al-Akbar pada bulan Dhu l-Qa'idah tahun 1397 H kepada yang mulia al-'Allah al-Kabir al-Hajj Aqa Hasan Sa 'id seorang daripada ulama Syi'ah Imamiyyah di Tehran, Iran 25 hb. Oktober 1997.

Yang mulia Syeikh Hasan Sa'id,

Ulama Tehran.

Assalamu 'Alaikum warahmatullah wa Barakatuh.

Sesungguhnya al-Azhar mempunyai kasih sayang yang mendalam terhadap saudara-saudara kami Imamiyyah dan Zaidiyyah. Apatah lagi kami sekarang di peringkat menyeru kepada penyatuan (*al-Wahdah*) dan persaudaraan. Oleh itu apabila berlaku sesuatu di sana sini, maka kita cuba memperbaikinya dan kita semua berjalan di atas jalan kesejahteraan dan kasih sayang. Dan apa yang telah dinyatakan di dalam buku *Mudhakkirah al-Tauhid*, akan memperbaiki (keadaan) Insyah Allah. Dan kami berharap tindakan yang sama juga dilakukan di pihak anda. Syukur kepada Allah di atas usaha ke arah penyatuan.

Wa s-Salam 'Alaikum wa Rahmatu Llah.

'Abdu l-Hali Mahmud

Syeikh al-Azhar

Dipetik daripada: Pusat kebudayaan Islam Eropah,

Rome, Itali, Bil 363, cetakan keempat.

25 hb. Oktober, 1977 M.

6. Tanya JAKIM kenapakah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia di bawah JAKIM menolak Deklarasi Amman 2005 yang ditandatangani sendiri oleh Y. A. B Perdana Menteri Malaysia yang merangkapi Pengerusi OIC, mengakui 8 mazhab di dalam Islam yang mana 2 daripadanya adalah Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi? Tidakkah perbuatan sedemikian memberi erti tidak menghormati Deklarasi Amman yang ditandatangani oleh CEO Negara Malaysia? Tidakkah fatwa penghalalan Syiah Ja'fari dan Syiah Zaidi sebelum 5.5. 1996 (E-Fatwa) adalah selari dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan Perkara 3 (1) dan Fatwa al-Azhar? Tanya JAKIM kenapakah JAKIM pada 5.5. 1996 mengeluarkan fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari setelah ia dihalalkan dan meletakkannya di bawah Undang-undang Jenayah pula? (E-Fatwa) Tidakkah ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan *the supreme law of the Federation* dan fatwa al-Azhar, kemudian Deklarasi Amman 2005, Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006 dan Deklarasi Islamabad 2007 yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia?

7. DEKLASI AMMAN 2005

TIGA PERKARA DARI MESEJ AMMAN V.1 (2005)

Soalan-soalan yang lazim

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Semoga selawat dan salam kepada Nabi Muhammad dan keluarganya yang suci dan mulia.

(1) Sesiapa yang merupakan pengikut kepada salah satu daripada empat buah sekolah perundangan Islam Sunni (Hanafi, Maliki, SYafi'i dan Hanbali) dua buah sekolah perundangan Islam Syiah(Ja'fari dan Zaydi), sekolah perundangan Islam Ibadi dan sekolah perundangan Islam Zahiri, adalah seorang Islam. Mengisytiharkan bahawa seorang itu kafir/murtad adalah tidak dibenarkan. Sesungguhnya darah, kehormatan, dan harta tidak boleh dicabuli. Lebih-lebih lagi, menurut fatwa Syeikh Al-Azhar, adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sesiapa yang menganuti fahaman Asy'ari atau atau sesiapa mengamalkan Tasawwuf yang sebenar sebagai kafir. Begitu juga, adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sesiapa yang menganuti fahaman Salafi yang sebenar sebagai kafir .

Tidak kurang, ia adalah tidak mungkin dan tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan sebagai murtad mana-mana kumpulan Islam yang percaya kepada Tuhan, Maha Suci dan Maha Tinggi, dan Rasul-Nya s.a.w dan lima rukun Islam, dan tidak menafikan apa-apa rukun yang perlu dari agama.

(2) Maka di sana wujud lebih banyak persamaan antara pelbagai mazhab Islam daripada perbezaan di antara mereka. Para penganut kepada lapan buah sekolah perundangan Islam telah bersetuju dengan prinsip-prinsip asas Islam. Semua percaya kepada Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi, Satu dan Unik ; al -Qur'an yang mulia ialah firman Allah dan bahawa nabi Muhammad s.a.w, adalah nabi dan Rasul kepada semua umat manusia.

Semua bersetuju tentang lima rukun Islam: dua kalimah syahadah (*shahadatayn*); sembahyang (*salat*) zakat; puasa bulan Ramadan, dan Haji ke rumah Allah (di Mekah) . Semua juga bersetuju tentang asas-asas kepercayaan: kepercayaan kepada Allah, malaikat-malaikat -Nya, kitab-kitab -Nya, Rasul-rasul-Nya, dan hari kiamat , Qadha' dan Qadar-Nya; baik dan jahat. Perbezaan pendapat antara ulama daripada lapan sekolah perundangan Islam hanya berkenaan dengan cabang agama (*furu'*) dan tidak berkenaan dengan prinsip-prinsip dan asas-asas (*usul*) [agama Islam]. Perbezaan pendapat dari sudut cabang agama (*furu'*) adalah rahmat. Ada pendapat orang terdahulu yang mengatakan bahawa perbezaan dalam pendapat di kalangan ulama adalah " adil lagi baik" .

(3) Akuan sekolah-sekolah perundangan Islam dalam Islam bererti mengikut satu metodologi asas dalam pengeluaran fatwa : Tiada siapa boleh mengeluarkan fatwa tanpa kelayakan peribadi yang diperlukan setiap sekolah perundangan Islam menentukan [untuk penganut sendiri]. Tiada siapa boleh mengeluarkan fatwa tanpa mematuhi metodologi mazhab Islam. Tiada siapa boleh menuntut untuk melakukan ijihad tanpa had atau membuat sekolah perundangan Islam yang baru atau untuk mengeluarkan fatwa yang tidak boleh diterima yang mengeluarkan orang Islam daripada prinsip-prinsip dan kepastian Syariah dan apa yang telah ditubuhkan berkenaan dengan sekolah-sekolah Fiqh .

Tiga titik Amman Mesej V.2

Deklarasi Amman ditandatangani oleh 552 peserta yang terdiri daripada ketua-ketua kerajaan, pembesar - pembesar, mufti - mufti, menteri - menteri agama, para akademik dan lain-lain dari Dunia Islam termasuk 8 orang dari Malaysia di Amman, Jordan pada 2005.

MALAYSIA

1. H.E DATO 'Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
Perdana Menteri
2. Dr Anwar Ibrahim,
Bekas Timbalan Perdana Menteri
3. Dato 'Dr Abdul Hamid Othman,
Menteri di pejabat Menteri Perdana yang
4. Prof Dr Kamal Hasan,
Presiden Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur
5. Prof Dr Mohammad Hasyim Kamali ,
Dekan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam
6. En Shahidan Kasem ,
Menteri Pertama negeri Perlis , Malaysia
7. Mr Khayri Jamal Al -Din,
Timbalan Pengerusi bagi Sektor Belia , Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
8. Dr Salih Qadir Karim Al- Zanki ,
Universiti Islam Antarabangsa.

8. AMMAN DECLARATION (4-6/7/2005)

THE THREE POINTS OF AMMAN MESSAGE V.1

Frequently Asked Questions

In the name of God, the compassionate, the Merciful
May peace and blessings be upon the Prophet Muhammad and his pure and noble family.

(1) Whosoever is an adherent to one of the four Sunni schools of Islamic jurisprudence (Hanafi, Maliki, Shafi'i and Hanbali), **the two Shi'i schools of Islamic jurisprudence (Ja'fari and Zaydi)**, the Ibadi school of Islamic jurisprudence and Zahiris school of Islamic jurisprudence, is a **Muslim** Declaring that person an apostat is impermissible. Verily his (her) blood, honour, and property are inviolable. Moreover, in accordance with the Syakh Al-Azhar's *fatwa* , it is neither possible nor permissible to declare whoever subscribes to the Ash'ari creed or whoever or whoever practises real *Tasawwuf* (Sufism) an apostat. Likewise, it is neither possible nor permissible to declare whoever subscribes to true *Salafi* thought an apostat.

Equally, it is neither possible nor permissible to declare as apostates any group of Muslim who believes in God, Glorified and exalted be He, and His messenger (may peace and blessings be upon him) and the five pillars of faith, and does not deny any necessarily self evident tenet of religion.

(2) There exists more in common between the various schools of Islamic jurisprudence than there is difference between them. The adherents to the eight schools of Islamic jurisprudence are in agreement as regards the basic principles of Islam. All believe in Allah (God), Glorified and Exalted be He, the One and the Unique; that the Noble al-Qur'an is the revealed Word of God; and that our master Muhammad, may blessings and peace be upon him, is a prophet and messenger unto all mankind.

All are in agreement about the five pillars of Islam: The two testaments of faith (*shahadatayn*); the ritual prayers (*salat*)' almsgiving (zakat); fasting the month of Ramadan (*saum*), and the Hajj to the sacred house of God (in Mecca). All are also in agreement about the foundations of belief: belief in Allah (God), His angels, His scriptures, His messengers, and the day of Judgement, in the Divine Providence in good and in evil. The disagreements between the *Ulama'* (scholars) of the eight schools of Islamic jurisprudence are only with respect to the ancillary branches of religion (*furu'*) and not as regards to the principles and fundamentals (*usul*) [of the religion of Islam]. Disagreements with respects to the ancillary branches of religion (*furu'*) is a mercy. Long ago it was said that variance in opinion among the *Ulama'* (scholars) "is a good fair".

(3) Acknowledgement of the schools of Islamic jurisprudence with in Islam means adhering to a fundamental methodology in the issuance of *fatwas*: No one may issue a *fatwa* without the requisite personal qualifications which each school of Islamic jurisprudence determines [for its own adherents]. No one may issue a *fatwa* without adhering to the methodology of the schools of Islamic jurisprudence. No one may claim to do unlimited *Ijtihad* or create a new school of Islamic jurisprudence or to issue an unacceptable *fatwas* that takes Muslim out of the principles and certainties of the *Shari'ah* and what has been established in respect of its schools of Jurisprudence.

The three points of The Amman Message V.2

Deklarasi Amman ini ditandatangani oleh 552 peserta yang terdiri daripada ketua-ketua kerajaan, pembesar-pembesar, mufti-mufti, menteri-menteri agama, para akademik dan lain-lain di seluruh dunia Islam termasuk 8 orang dari Malaysia di Amman, Jordan pada 2005.

MALAYSIA

1. **H.E DATO' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,**
Prime Minister
2. **Dr. Anwar Ibrahim,**
Former Deputy Prime Minister
3. **Dato' Dr. Abdul Hamid Othman,**
Minister in the office of the Prime minister
4. **Prof. Dr. Kamal Hasan,**
The president of the Islamic International University, Kuala Lumpur
5. **Prof. Dr. Mohammad Hasyim Kamali,**
Dean of the International Institute of Islamic Thought and Civilisation
6. **Mr. Shahidan Kasem,**
First Minister of Perlis state, Malaysia
7. **Mr. Khayri Jamal Al-Din,**
Deputy chairman for the Youth Sector, the United Malays National Organisation
8. **Dr. Salih Qadir Karim Al-Zanki,**
International Islamic University.

**

9. Tanya JAKIM tidakkah Deklarasi Makkah al-Mukarramah yang mengakui mazhab Sunni-Syiah dan ia ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia itu menyalahi fatwa pengharaman kepercayaan dan amalan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan enakmen Kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia?

10. Deklarasi Makkah al-Mukarramah 2006:

DEKLARASI MAKKAH AL -MUKARRAMAH PENGAKUAN

SITUASI IRAQ 2006.

[Deklarasi Makkah al-Mukarramah menjelaskan bahawa definisi seorang Muslim (i) adalah orang yang menyaksikan kepercayaannya bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah s.a.w. (ii) Prinsip asasnya dilakukan kepada Sunni dan Syiah. (iii) Persamaan di dalam kedua-dua mazhab ini melebihi perbezaannya. (iv) Justeru darah, harta beda, kehormatan seorang Muslim harus dijaga. (v) Seorang Muslim sama ada Sunni atau Syiah adalah tidak boleh dibunuh, disakiti, diugut, melanggar hak miliknya, diusir, dan diculik]

Memandangkan keadaan sekarang di Iraq, yang mana pertumpahan darah adalah meluas, dan pencerobohan ke atas aset dan hartanah yang dilakukan dengan berselindung di sebalik Islam, adalah menjadi kejadian harian, dan sebagai tindak balas kepada jemputan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan di bawah naungan OIC International Fiqh Academy Islam (IIFA),

Kami ulama Iraq, dari kedua-dua Sunni dan Syi'ah, telah berjumpa di Makkah Al- Mukarramah pada bulan Ramadan tahun Lunar Hijrah 1427H (2006) dan membincangkan keadaan di Iraq serta isu nasib buruk rakyat Iraq, dan mengisytiharkan Deklarasi berikut:

I. Islam adalah orang yang mengaku imannya dengan menaik saksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul-Nya. Prinsip-prinsip asas ini adalah sama berkaitan dengan Sunni dan Syi'ah tanpa pengecualian. Asas-asas umum dan matlamat antara kedua-dua aliran pemikiran ini adalah lebih banyak persamaan daripada perbezaan. Sebarang perbezaan di antara mereka adalah semata-mata perbezaan pendapat dan tafsiran. Dan tidak perbezaan penting tentang iman atau isi rukun Islam. Dari sudut pandangan Syariah Islam, tidak ada pengikut mana-mana sekolah pemikiran boleh menafikan, mencurigai iman dan kesetiaan pengikut sekolah yang lain, atas alasan bahawa Nabi Allah (saw) berkata:

"Jika salah seorang daripada kamu memanggil saudaranya: Anda kafir, salah seorang daripada mereka akan menjadi kafir dan menanggung tanggungjawab itu !".

II. Darah, harta, kehormatan, dan reputasi Islam tidak boleh dipertikaikan berdasarkan ayat-ayat Al-Quran yang mulia yang mana Allah SWT berfirman maksudnya:

"Dan sesiapa yang sengaja membunuh seorang mukmin, maka balasannya ialah neraka mereka kekal di dalamnya, azab dan laknat Allah ke atasnya, dan azab seksa yang besar disediakan baginya"; dan Hadis Nabi Muhammad s.a.w yang mengatakan:

"Semua yang berkaitan dengan Islam adalah tidak boleh dipertikaikan, termasuk darah, harta, kehormatan, dan reputasi "

